

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"Di samping kemajuan kita dalam negara, hubungan diplomatik kita dengan negara-negara sahabat juga tetap akan dipupuk dan dipelihara. Ianya adalah teras kemantapan politik, ekonomi dan keselamatan. Ia akan menjadi amalan berterusan, berasaskan prinsip terbaik-baik dan hormat-menghormati kedaulatan masing-masing."

- Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28.



# Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيَّة

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان  
MANISNYA IMAN

"PELIHARALAH kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khususnya sembahyang wusta (Sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khushyuk."  
- (Surah Al-Baqarah, ayat 238).

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.02 SUBUH 5.12 SYURUK 6.34 DUHA 6.58 ZUHUR 12.31 ASAR 3.53 MAGHRIB 6.26 ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 7

16 JANUARI 2017 / 1438 ربيع الأخير 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## Berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Ukraine, serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau.

Menyertai bersama TYT Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine pada Majlis Mengadap itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ukraine ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dmytro Senik.

Turut hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin.



## Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan tahniah



menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg berikutan dengan pelantikannya sebagai Ketua Menteri Negeri Sarawak yang Ke-6 baru-baru ini.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia percaya pelantikan Yang Amat Berhormat ini melambangkan kepercayaan rakyat Negeri Sarawak terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat dalam memimpin Kerajaan Negeri Sarawak.

Kebawah DYMM seterusnya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat, rakyat Negeri Sarawak akan sentiasa menikmati keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berpanjangan. Kebawah DYMM amat menghargai hubungan rapat dan persefahaman yang telah sekian lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak dan berharap dapat bekerja rapat dengan Yang Amat Berhormat dalam mengukuh dan memelihara tali persahabatan ini di masa-masa akan datang.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang

Amat Berhormat serta keluarga sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dan dalam dalam pemeliharaan-Nya jua.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg berikutan dengan pelantikannya sebagai Ketua Menteri Negeri Sarawak yang Ke-6 baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan



Muka 3

DYTM DPMM berangkat saksikan sesi pemilihan pemain bawah umur 18 tahun



Muka 9

BCYF ketengahkan isu, idea dalam kreativiti dan inovasi

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

# UNISSA mampu lahirkan ulama, sumber tenaga manusia bertakwa

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua kita dapat berhimpun daLam majlis yang berkebakaran ini, iaitu Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UNISSA.

Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga UNISSA, kerana pada 1 Januari 2017 yang lalu, genaplah 10 tahun usia UNISSA. Syabas dan tahniah setinggi-tingginya, bukan setakat UNISSA kini telah mencapai usianya satu dekad, tetapi juga atas pelbagai pembangunan dan kejayaan yang telah di capai oleh UNISSA.

Saya percaya, kejayaan ini tidak akan dicapai tanpa semangat kerjasama yang tinggi, sokongan padu dan kerja keras daripada semua pihak demi untuk merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam penubuhan UNISSA, iaitu sebagai mercu kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam yang berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan berwibawa yang diperlukan oleh negara.

Saya juga berkeyakinan tinggi bahawa UNISSA akan sentiasa berusaha keras dalam mempertingkatkan kualiti akademiknya, dalam melahirkan graduan yang berwibawa melalui pengajaran dan pembelajaran yang efektif, penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi, selaras dengan visinya untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam di negara ini, UNISSA perlu memainkan peranan penting dalam memastikan para graduan yang dihasilkan itu benar-benar dilengkapi dengan pengetahuan agama yang betul dan mantap serta mampu menjadi benteng yang kukuh terhadap segala anasir-anasir yang tidak selaras dengan ajaran Islam yang diamalkan di negara ini.

Inilah keunikan misi UNISSA. UNISSA bukan sahaja diharap menghasilkan para graduan yang memiliki ilmu agama yang mantap dan intelektual yang tinggi dari sudut akademiknya, bahkan juga mempunyai sahsiah dan akhlak yang terpuji, berwibawa dan juga bertakwa. Dalam hal ini, UNISSA hendaklah memastikan *environment* pengajaran. Pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan di UNISSA ini tidak dicalar, diprovokasi dan dipengaruhi atau dicemar oleh pemikiran-pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah.

UNISSA juga perlu memastikan para pelajar akan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' (MIB)



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), pada 13 Rabiulakhir 1438 Hijrah / 12 Januari 2017 Masihi, bertempat di Auditorium UNISSA.

dalam setiap tindak tanduk mereka, sama ada dalam akademik dan juga kehidupan sosial mereka.

Dalam kesempatan ini, sukacita juga saya berpesan kepada seluruh pelajar UNISSA agar memanfaatkan sepenuhnya peluang mengikuti pengajian di UNISSA ini. Para pelajar perlu sedar bahawa dalam situasi ekonomi global yang tidak menentu ketika ini, mereka perlu sentiasa berusaha melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran agar menjadi graduan yang berdaya saing dan kompetitif.

Oleh sebab itu, saya menyarankan UNISSA supaya sentiasa mengambil kira kadar pengangguran para graduan dan peluang pekerjaan yang sangat kompetitif di negara ini. Perkara ini sering kali telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda menyarankan agar UNISSA dan juga institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini supaya memastikan program-program yang ditawarkan itu sentiasa relevan dan berkualiti untuk menghasilkan para graduan yang *marketable* dan *future ready*. Saya menyokong penuh terhadap inisiatif UNISSA dalam menjenama semula "Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan" menjadi "Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam" dan menubuhkan fakulti baharu, iaitu "Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam". Saya juga mengambil maklum dan menyokong penuh usaha-usaha penelitian semula terhadap program-program

akademik yang sedang ditawarkan. Ini termasuklah kursus berkaitan "Keusahawanan" yang akan menjadi kursus wajib atau mandatori bagi semua program akademik sebagai nilai tambah kepada bidang-bidang akademik yang diikuti.

Saya juga merasa optimis terhadap hala tuju dan perancangan UNISSA, terutama sekali dalam usaha menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal dalam masa yang terdekat ini. Saya berharap pusat ini nanti akan menjadi pemangkin kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai *hub halal global* dan membuka ruang lebih luas terhadap pasaran halal di peringkat antarabangsa.

Selain itu, program-program pengajian yang berkaitan dengan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang berjalan ketika ini hendaklah diteruskan, dikukuhkan dan dikembangkan lagi bagi memastikan pelaksanaannya bertambah lancar dan mantap.

Begitu juga dengan-program-program lain yang menjadi *niche* UNISSA seperti Tafsir, Hadith, Dakwah, Aqidah, Syariah, bahasa Arab dan lain-lain lagi yang mampu melahirkan ulama dan sumber tenaga manusia yang bertakwa dan berwibawa. Malah lebih jauh dari itu, UNISSA juga perlu meneroka lebih jauh lagi bidang-bidang baharu yang berkaitan dengan pembangunan dan keperluan semasa negara. Usaha-usaha yang sedemikian itu, adalah perlu dirancang dengan rapi bagi memastikan para graduan UNISSA menjadi generasi mapan dan mampu merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Kualiti sesebuah universiti itu bergantung kepada kualiti tenaga akademiknya. Sebagaimana yang biskita sedia maklum, Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2014 yang lalu itu, adalah untuk memastikan para tenaga akademik di UNISSA dan institusi pengajian tinggi yang lain di Negara ini benar-benar mencapai kualiti tenaga akademik yang mampu mempertingkatkan kualiti akademik, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat.

Saya berharap agar UNISSA sentiasa memastikan para tenaga akademiknya terus berusaha keras mempertingkatkan kemahiran dan komitmen mereka dalam membangun UNISSA dan negara.

Saya juga menyarankan agar para tenaga akademik khususnya yang belum memenuhi syarat untuk berpindah ke SPTA ini atas sebab-sebab kelayakan akademik atau sebab-sebab tertentu, hendaklah berusaha lebih gigih untuk mempertingkatkan pencapaian masing-masing.

Ke muka 10

Dari Sidang  
Pengarang.

16 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 ربيع الأخير 18

## IBADAH SEMBAHYANG MEMPUYAI BANYAK KELEBIHAN, MANFAAT

**I**badah sembahyang mempunyai kedudukan yang amat tinggi di sisi agama Islam dan ia juga adalah rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan setelah mengucap dua kalimah syahadah. Pentingnya ibadah sembahyang ini kerana ia amalan pertama yang dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti.

Perintah untuk mendirikan sembahyang bermula sejak berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj yang dilalui oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebagai umat Islam, kita patut menyedari bahawa melakukan ibadah sembahyang adalah satu tuntutan dan bukan satu perkara yang boleh diambil remeh. Justeru adalah tanggungjawab kita sebagai umat Islam untuk menunaikan tuntutan ini dan menyerapkan perkara ini ke dalam minda anak-anak kita. Kewajipan mengerjakan sembahyang juga masih dituntut terhadap orang yang sakit atau orang yang kurang upaya. Cuma cara mengerjakan sembahyangnya adalah berbeza mengikut keupayaan pesakit itu sendiri sama ada secara berdiri, duduk atau berbaring.

Di samping ia menjadi satu tuntutan, ia juga terdapat ganjaran yang besar, serta banyak manfaat dan kebaikan apabila melaksanakan ibadah sembahyang. Ia dapat membantu menyelamatkan manusia daripada azab akhirat. Sembahyang juga dapat menghilangkan rasa resah gelisah dan boleh memberikan ketenteraman, ketenangan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Keperluan dan kewajipan mendirikan sembahyang sering kali diterangkan dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Ankabut, ayat 45 : Tafsirnya : "Dan dirikanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."

Pada Khutbah Jumaat baru-baru ini ada menerangkan bahawa antara kelebihan dan kebaikan mendirikan sembahyang juga termasuk dapat membantu diri sendiri, keluarga dan masyarakat untuk membina generasi yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti yang baik.

Sembahyang juga dapat membantu dalam menangani pelbagai gejala sosial yang boleh merosakkan kehidupan masyarakat seperti rasuah, membunuh, merompak, zina dan perbuatan maksiat yang lain dan sembahyang juga menjadi kunci utama untuk mendapatkan rezeki yang halal dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu sembahyang juga dapat membersihkan dan mensucikan diri seseorang sama ada rohani mahupun jasmani, ini jelas sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam : Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu : Bahawasanya dia pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Jika ada suatu sungai di depan rumah seorang yang di situ dia mandi lima kali dalam sehari, masihkah ada kotoran pada dirinya?" Para sahabat menjawab : "Tidak ada sedikit pun kotoran yang tersisa pada dirinya." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Begitulah perumpamaan sembahyang fardu lima waktu yang dengannya Allah menghapus dosa orang yang mengerjakannya." (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sembahyang merupakan satu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan. Maka walau sesibuk mana kita dalam menjalankan kehidupan seharian, jangan lalai dan lupa untuk melaksanakan ibadah sembahyang. Tunaikan sembahyang pada waktunya dan perlu sering diingat kesempurnaan ibadah sembahyang menentukan kesempurnaan ibadah yang lain. -  
Ketua Penyuntingan (Ss)

Ramadan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
SANDAR SERI BEGAWAN		
32°C ☀️	25°C ☀️	32°C ☀️
MUARA		
32°C ☀️	25°C ☀️	32°C ☀️
PERAN BANGAR		
32°C ☀️	25°C ☀️	33°C ☀️
PERAN TUTONG		
32°C ☀️	25°C ☀️	32°C ☀️
PERAN SERIA		
32°C ☀️	25°C ☀️	32°C ☀️
RANLA BELAIT		
32°C ☀️	25°C ☀️	33°C ☀️

114

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	18	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	SELASA	19	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	RABU	20	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
19	KHAMIS	21	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	JUMAAT	22	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
21	SABTU	23	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
22	AHAD	24	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



**TALIAN  
KECEMASAN**

AMBULANS  
**991**

POLIS  
**993**

BOMBA  
**995**

PENYELAMAT  
**998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
**123**

NDMC  
**2380214**

# DPMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ukraine ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dmytro Senik.

Majlis tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Majlis Mengadap tersebut turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin.

# DYTM DPMM berangkat saksikan sesi pemilihan pemain bawah umur 18 tahun

Oleh: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC berkenan berangkat bagi menyaksikan sesi pemilihan pemain-pemain di bawah umur 18 tahun yang dianjurkan oleh Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC.

JERUDONG, Ahad, 15 Januari.-Seramai 152 orang peserta terdiri daripada pemain bola sepak muda tempatan dari keempat-empat daerah mempamerkan potensi mainan masing-masing semasa berlangsungnya sesi pemilihan bagi pemain-pemain di bawah umur 18 tahun yang dianjurkan oleh Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC.

Berangkat bagi menyaksikan sesi pemilihan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC.

Sesi pemilihan yang diadakan di Mini Stadium, Jerudong di sini dikendalikan oleh Ketua Jurulatih Pasukan Brunei DPMM FC, Steve Kean, jurulatih profesional yang pernah mengendalikan salah sebuah kelab liga perdana di United Kingdom bagi memberikan peluang kepada pemain-pemain muda untuk menjalani latihan dan menimba pengalaman daripada beliau.

Walau bagaimanapun daripada jumlah tersebut, hanya seramai 25 orang peserta sahaja berumur dari 12 hingga 18 tahun yang akan tercalon untuk mengikuti latihan sebanyak dua kali seminggu bersama jurulatih profesional tersebut nanti.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Pengurus Pasukan Brunei DPMM FC, Md. Ali bin Haji Momin menjelaskan sesi pemilihan tersebut dihasratkan untuk mencungkil bakat dan potensi pemain-pemain muda untuk memajukan dan meningkatkan

potensi mereka.

Beliau seterusnya berharap akan ada lagi pemain-pemain dari pasukan DPMM FC 18 tahun ke bawah ini diserapkan lagi ke skuad utama Pasukan Brunei DPMM FC seperti tahun sebelumnya.

"Seperti yang kita ketahui, tahun yang lalu seramai tiga pemain telah diserapkan ke skuad utama dan salah seorang daripadanya ialah Azim Izamuddin yang

kemudiannya berjaya menjaringkan gol untuk skuad utama. Oleh itu, sesi pemilihan ini bolehlah dijadikan sebagai batu loncatan kepada para peserta yang ingin bermain ke peringkat yang lebih tinggi lagi," jelasnya lagi.

Namun begitu, ujar beliau, para peserta yang tidak terpilih untuk mengikuti pasukan DPMM FC 18 tahun ke bawah tersebut diharap akan lebih berusaha pada masa yang akan datang.



PARA peserta semasa mendaftar bagi sesi pemilihan tersebut. (kiri)



PARA peserta menonjolkan potensi masing-masing semasa sesi pemilihan pemain di bawah umur 18 tahun yang dianjurkan oleh Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC.

# Lebih 3,000 sertai 'City Run Brunei 2017'



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyempurnakan pelepasan Larian 'City Run Brunei 2017' di ibu negara.

Oleh: Aimi Sani  
Foto: Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari.** - Lebih 3,000 peserta menyertai Larian 'City Run Brunei 2017' anjuran Heroes Event Management dengan kerjasama Fizzy Fire bertempat di ibu negara pagi tadi.

Acara dimulakan dengan sembahyang fardhu Subuh berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Hadir menyempurnakan pelepasan larian tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan sesi senamrobik.

Menurut Pengarah Urusan Heroes Event Management dan Armatrix Enterprise, Aaron Goh, semua kutipan hasil daripada larian ini akan

disumbangkan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu 11.5 kilometer, 5 kilometer dan 3.5 kilometer bagi lelaki dan perempuan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri turut berkesudian menyampaikan hadiah kepada para pemenang larian 11.5 kilometer lelaki dan perempuan.

Sementara itu, Nazurah binti Ahmad Jawawi dan kakak beliau, Fauziah Ahmad Jawawi yang berasal dari Kuala Belait ketika ditemui berkata larian seumpama ini memang bagus untuk kesihatan dan beriadah.

Mereka juga berpendapat, melalui larian ini secara tidak langsung memberi kesedaran kepada orang ramai akan pentingnya menjaga kesihatan melalui bersenam selain menjaga permakanan masing-masing.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga berkesempatan menyertai Larian 'City Run Brunei 2017'.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan sumbangan hasil derma Larian 'City Run Brunei 2017' kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

## 'One Voice' buka peluang perniagaan di Brunei

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari.** - Satu sesi perbincangan bersama pengusaha-pengusaha Brunei telah diadakan pada 12 Januari lalu sebagai kesinambungan daripada beberapa siri mesyuarat yang

berterusan untuk lebih menelaraskan komunikasi dalam kalangan ahli dewan dan persatuan perniagaan.

Mesyuarat telah diadakan di Bangunan Design and Technology (D&T Building), Kampung Anggerek

Desa.

Hadir untuk berkongsi perspektif pada malam tersebut, Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Yang Berhormat melahirkan harapan agar kerajaan dan

pengusaha-pengusaha akan terus bekerjasama untuk meningkatkan landskap perniagaan.

Mesyuarat rundingan bersama itu diadakan untuk membincangkan dan mempertimbangkan usaha berterusan One Voice untuk peluang perniagaan di Brunei.

Inisiatif itu dengan lebih baik akan menelaraskan kerja dan komunikasi

dalam kalangan ahli dewan dan persatuan perniagaan agar perniagaan yang ada boleh terus dilatih dan menjadi lebih mudah.

Ia akan menjadi lebih penting bagi para pengusaha untuk dapat menelaraskan bagi menyokong satu sama lain sebagai satu perkembangan ke luar negara.

Antara yang hadir pada malam itu ialah Pengerusi BIMP-EAGA dan wakil-wakil dari Dewan Perniagaan Cina, Majlis Perniagaan Wanita, Majlis Perniagaan ASEAN, Brunei Shipping Association dan Persatuan Agensi Pelancongan.

Persatuan Tenaga Brunei (BENA), Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek (PUJA), Persatuan Pakistan, Dewan Perniagaan India, Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Brunei Darussalam dan NGO yang berkaitan juga dijemput untuk hadir bagi sama-sama berkongsi idea-idea dan pendapat.

Mesyuarat itu dianjurkan bersama oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Brunei Darussalam (NCCIBD) dan Dewan Perniagaan Melayu dan Industri Brunei Darussalam (DPPMB), Dr. Haji Kamaruddin bin Dato Seri Paduka Haji Talib dan Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Enterprise (DARE), Soon Loo.



MENTERI Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar bergambar ramai bersama sebahagian ahli-ahli perniagaan Brunei selepas menghadiri Mesyuarat Rundingan Bersama tersebut.

# Utamakan keselamatan, kebersihan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyempakan hadiah Tong Sampah Kreatif kepada pemenang tempat ketiga, Sekolah St. Andrews.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Januari. - Sesuai dengan pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Bandar Kebudayaan ASEAN 2016-2017, program Bandarku Ceria yang berlangsung di ibu negara ini mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak terutama para penjaja yang mencari pendapatan serta orang ramai yang ingin mengisi masa lapang mereka dengan melakukan aktiviti riadah hujung minggu lebih-lebih lagi bersama keluarga.

Semasa tinjauan Pelita Brunei ke ibu negara pagi tadi melihat aktiviti berbasikal masih lagi menjadi pilihan utama pengunjung Bandarku Ceria

yang mana mereka boleh menyewa pelbagai jenis basikal termasuk basikal yang mempunyai dua mahupun tiga tempat duduk yang tersedia atau membawanya sendiri.

Namun dalam melakukan sebarang aktiviti riadah tersebut orang ramai dan para ibu bapa perlu sentiasa mengambil langkah berwaspada terutama keselamatan diri dan kanak-kanak semasa berbasikal, sebagaimana menurut Awang Md. Soffian bin Haji Kipli yang berasal dari Kuala Belait, sebelum memulakan aktiviti riadah berbasikal beliau terlebih dahulu perlu memastikan tempat-tempat yang selamat dan selesa

untuk dilalui bagi mengelak sebarang musibah atau kejadian yang tidak diingini berlaku.

Selain itu jelasnya, ibu bapa dan penjaga juga perlu turut memastikan *safety gear* bagi kanak-kanak mencukupi seperti topi kaledar, *knee* dan *elbow safety*, brek dan tayar basikal yang berfungsi dengan baik dan selamat, dan tempat-tempat yang dilalui itu jauh dari laluan kereta dan motor yang boleh sahaja mengganggu keselamatan para penunggang basikal dan yang paling penting tambah lagi, ibu bapa dan penjaga juga perlu sentiasa ada berdekatan dengan anak-anak mereka dan jangan mudah terlepas pandang akan keberadaan anak-anak mereka.

"Walau bagaimanapun, aktiviti riadah Bandarku Ceria seumpama ini perlu diteruskan sampai bila-bila kerana selain memberikan peluang kepada keluarga untuk keluar beriadah, aktiviti sebegini juga boleh mendukung ke arah cara hidup yang lebih sihat dengan penganjuran pelbagai acara seperti senamrobik, larian dan sebagainya," ujar beliau lagi.

Bagi Awang Abdul Manan bin Haji Hamid selaku Pengurus Mulya Sarah Sahniza Enterprise pula, sebagai vendor yang menjalankan perniagaan menyewakan pelbagai jenis basikal dan sudah berkecimpung dalam bisnis seumpamanya sejak tiga tahun yang lalu menyarankan kepada para penyewa, pengguna atau penunggang basikal dan ibu bapa serta penjaga untuk sentiasa mengambil serius langkah-langkah keselamatan semasa berbasikal, terutama keselamatan anak-anak.

Menurutnya, syarikat beliau juga turut menyediakan topi kaledar bagi para penyewa basikal bagi mengelakkan sebarang kecederaan yang serius jika berlaku perkara yang diluar jangkaan, selain turut menyarankan dan menasihatkan para penyewa dan penunggang basikal yang lain untuk lebih melengkapkan diri dan anak-anak mereka dengan *safety gear* yang teratur dan sesuai.

Program yang meliputi semua peringkat umur ini juga turut memberikan peluang bagi kita menunjukkan budaya rakyat Negara Brunei Darussalam yang mengutamakan hubungan kekeluargaan dan gaya hidup yang seimbang terutama dalam sama-sama berganding bahu menjaga kebersihan persekitaran kawasan bandar.

Sepertimana menurut Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran BSB, Awang Haji Ali bin Matyassin menjelaskan selaras dengan tema 'Bandarku Ceria, Bandarku Bersih' ingin menerapkan kesedaran kepada orang ramai yang hadir memeriahkan bandar di setiap minggu di mana sahaja mereka berada sama ada di sekitar kawasan komersial, di setiap



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri menyempakan hadiah Tong Sampah Kreatif kepada pemenang tempat pertama, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

jalan-jalan riadah atau aktiviti dan sekalipun yang berada di kawasan taman adalah ditingkatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan taman dan kawasan-kawasan bandar sekitarnya dengan baik dan bersih, dan membuang sampah-sampah ke tempat-tempat pembuangan sampah yang telah disediakan.

Kerjasama orang ramai dengan pihak-pihak yang berkenaan adalah sangat-sangat diharapkan jelasnya, memandangkan aktiviti Bandarku Ceria ini melibatkan penganjuran pelbagai jenis aktiviti yang turut melibatkan ramai pihak termasuk para peniaga dan pengunjung, oleh itu perlulah setiap warga dan masyarakat yang terlibat berganding bahu menandai tanggungjawab bersama untuk sentiasa memastikan kebersihan taman dan kawasan sekitar bandar terjaga bersih dan teratur semasa dan setelah tamatnya aktiviti yang berlangsung.

"Pada masa yang sama kami juga ingin mempelawa syarikat-syarikat swasta untuk turut serta menyediakan kemudahan-kemudahan pembuangan sampah yang lebih baik dan teratur bagi kemudahan dan kesesuaian para pengunjung," ujar beliau lagi.

Dengan berlangsungnya aktiviti seperti hari ini menurut Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran BSB lagi telah dijangkakan jumlah pembuangan sampah mungkin akan lebih meningkat, oleh demikian pihak mereka juga telah berusaha untuk menambah penjadualan pembersihan dan kemudahan-kemudahan pembuangan sampah di tempat-tempat yang telah dikenalpasti dan ditetapkan.

Pusat ibu negara ini merupakan

sebuah bandar dalam taman (*garden city*) yang mempunyai alam sekitar yang bersih, cantik dan bebas daripada pencemaran, namun taman ini juga merupakan guna-sama oleh semua pihak, dari itu beliau ingin mengingatkan kepada orang ramai dan pihak-pihak yang terlibat untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan kebersihan yang telah ditetapkan.

Pada minggu ketiga aktiviti Bandarku Ceria tahun ini juga berlangsungnya Majlis Penyempakan Hadiah kepada pemenang melukis 'mural' anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pemenang melukis 'mural' dimenangi oleh Pusat Tingkatan Enam, Sengkurong, sementara menduduki tempat kedua Sekolah St. George's dan berada di tempat ketiga ialah Sekolah St. Andrew's, manakala Pusat Tingkatan Enam Meragang dan Sekolah Menengah Sultan Mohamad Jamalud Alam masing-masing berada di tempat keempat dan kelima.

Hadiah-hadiah pemenang melukis 'mural' tersebut adalah hasil tajaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Program Bandarku Ceria merupakan hari tanpa kereta yang diadakan setiap hari Ahad di mana beberapa jalan raya ditutup bagi lalu lintas dan dikawal rapi oleh pihak Polis Diraja Brunei bermula dari jam 6.00 hingga 10.00 pagi.



ORANG ramai yang berkunjung ke Bandarku Ceria mengundi tong yang paling cantik dan kreatif bagi menggalakkan orang awam menjaga kebersihan Bandar Seri Begawan.



ASPEK keselamatan semasa berbasikal perlu diambil perhatian sewaktu beriadah di Bandarku Ceria.



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan (BSB), Awang Haji Ali bin Matyassin semasa ditemu bual Pelita Brunei.



AWANG Md. Soffian dari Kuala Belait yang berkunjung ke Bandar Seri Begawan bagi sama-sama memeriahkan Bandarku Ceria, semasa ditemu bual Pelita Brunei.



PENGURUS Syarikat Mulya Sarah Sahniza Enterprise, Awang Abdul Manan Bin Haji Hamid menyewakan basikal setiap hari Ahad sempena Bandarku Ceria.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika meninjau kelas pembelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman mengadakan lawatan kerja ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), di sini.

Lawatan dan tinjauan Yang Berhormat ke institut berkenaan adalah bagi mengetahui perancangan perkembangan institut terhadap persiapan, strategi dan sasaran institut dalam meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan pelajar institut dalam pembelajaran.

Terdahulu lawatan kerja Yang Berhormat dimulai dengan sesi bergambar ramai bersama tenaga

akademik dan pentadbiran institut, diikuti dengan lawatan ke kelas-kelas pengajian di institut berkenaan.

Antara kelas-kelas pengajian yang dikunjungi oleh Yang Berhormat ialah Kelas Pengajian Al-Quran Pelajar (Musolla ITQSHHB); Kelas Pengajian Bahasa Inggeris (Tahun 11A); Kelas Pengajian Sains (Tahun 8L1); Kelas Pengajian Fiqh (Tahun 10BL); Kelas Pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB (Kuliah Qiraat Amali Tahun 3) dan Kelas Pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB (Kuliah Bahasa Arab Tahun 2).

Dalam kesempatan lawatan ke kelas-kelas pengajian itu, Yang Berhormat juga berkesempatan meninjau pembelajaran Qiraat dan Hafazan Al-Quran, Sastera Bahasa

# Menteri HEU lawat ITQSHHB

Arab dalam Al-Quran dan juga pengajian Fiqh

Lawatan kerja Yang Berhormat diteruskan dengan sesi taklimat dan perbincangan yang disampaikan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali bertempat di Bilik No.20, Blok Pengajian 2, institut berkenaan.

Dalam membincangkan mengenai

objektif utama bagi melahirkan Huffaz Al-Quran, Yang Berhormat dalam perbincangan dan sesi taklimat tersebut menyarankan agar institut berkenaan beserta dengan Pusat Penyebaran Al-Quran mempelbagaikan lagi usaha dan kaedah dalam menyalurkan kefahaman Al-Quran dan penyebarannya dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Seterusnya bagi mencari peluang-peluang kerjasama bagi meningkatkan dan mengembangkan lagi bidang pengajian Ilmu-ilmu Al-Quran dan Qiraat Al-Quran serta kefahamannya.

Turut hadir menyertai lawatan kerja tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.



MENTERI Hal Ehwal Ugama ketika membuat lawatan ke ITQSHHB.

## ITQSHHB terima 79 pelajar baharu

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Seorang Hafiz Al-Quran itu sangat tinggi darjat dan martabatnya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan dipandang mulia di sisi masyarakat.

Kemuliaan itu terbit oleh kerana ia adalah satu amanah langsung dari Allah Subhanahu Wata'ala ke atas mereka untuk bertanggungjawab terhadap penjagaan dan pemeliharaan kitab suci Al-Quran secara istiqamah.

Dari itu para pelajar baharu diseru supaya akan dapat mempamerkan kesungguhan dan ketekunan semasa mengikuti pengajian mereka,

khususnya pengajian Hafazan Al-Quran dengan penuh kesabaran dan hati yang ikhlas demi untuk menyahut dan menerima amanah yang datang dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof berkata demikian pada Majlis Penerimaan Pelajar-Pelajar Baharu (Menengah) Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sesi 1438 / 2017 selaku tetamu kehormat majlis.

Beliau juga turut mengingatkan

kepada para pelajar baharu di dalam usaha untuk menjadi seorang Huffaz yang berilmu tinggi di era yang serba mencabar ini, adalah menjadi kewajipan kepada mereka untuk sentiasa mempamerkan akhlak mulia (akhlak Al-Quran).

"Para pelajar baharu perlu sentiasa beringat untuk melaksanakan semua suruhan Allah Subhanahu Wata'ala terutama sekali sembahyang fardu lima waktu dan menjauhi segala larangan-Nya serta sentiasa memiliki sifat hormat-menghormati khususnya kepada ibu bapa dan guru-guru," ujarnya.

Majlis penerimaan pelajar-pelajar baharu ITQSHHB sesi 1438H / 2017M berlangsung pagi tadi, bertempat di Dewan Kuliah, Institut berkenaan di sini.

Pada tahun ini, seramai 79 pelajar telah diterima masuk ke institut ini bagi mengikuti pengajian di peringkat menengah, terdiri daripada 41 lelaki dan 38 perempuan.

Hadir sama pegawai-pegawai kanan dari KHEU, ibu bapa dan penjaga, pelajar-pelajar baharu yang diraikan serta pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan institut tersebut.

Majlis diadakan untuk meraikan pelajar-pelajar baharu sebagai acara kemuncak bagi Program Minggu Ta'aruf (orientasi) mereka selama enam hari yang bermula pada hari Isnin, 9 Januari 2017 sehingga Sabtu, 14 Januari 2017.

Antara aktiviti yang diatitkan di sepanjang sesi orientasi tersebut adalah taklimat daripada Pemangku Pengetua ITQSHHB; taklimat Pengenalan Hafazan Al-Quran (Adab & Teknik Menghafaz Al-Quran / Disiplin sebagai Pelajar Al-Quran);

taklimat daripada Pegawai Kesejahteraan; Lawatan ke Perpustakaan ITQSHHB; Bacaan Yaa Siin dan tahlil di Kubah Makam Diraja Brunei; Kelas Al-Quran; Bengkel Murattal & Tausyeh; Aktiviti sukan serta Ceramah Motivasi Al-Quran.

Terdahulu ia dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pelajar Tahun 7, ITQSHHB, Awang Zainal Mustapa bin Jaludin.

Pada majlis tersebut tetamu kehormat turut menyampaikan Mushaf Al-Quran kepada pelajar-pelajar baharu, yang kemudian diikuti dengan tayangan slide video aktiviti-aktiviti pelajar di sepanjang minggu ta'aruf dan seterusnya bacaan ikrar daripada pelajar-pelajar baharu ITQSHHB sesi 1438 / 2017 yang diketuai oleh Awang Muhammad Naufal Darwisy bin Abdullah.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh tenaga pengajar institut, Awang Mohammad Fikri bin Haji Sarbini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof semasa menyampaikan ucapan di Majlis Penerimaan Pelajar-Pelajar Baru (Peringkat Menengah) Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi Pengajian 1438 Hijrah / 2017 Masihi.



IBU bapa dan penjaga pelajar-pelajar yang hadir di Majlis Penerimaan Pelajar-Pelajar Baru (Peringkat Menengah) ITQSHHB Sesi Pengajian 1438 Hijrah / 2017 Masihi.



BACAAN Ikrar pelajar-pelajar baharu ITQSHHB Sesi Pengajian 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

# Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine lawat Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari.** - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin dan rombongan mengadakan lawatan kerja ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium di ibu negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Tuan Yang Terutama serta rombongan diperdengarkan pengenalan mengenai Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, diikuti dengan lawatan dan penerangan ke galeri-galeri di muzium tersebut, sebelum diselajurkan dengan menandatangani lembaran kenangan dan sesi bergambar ramai.

Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Jubli Perak baginda menaiki takhta.

Muzium berkenaan mempunyai empat galeri, iaitu galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja (Perpuspaan, 1968), Galeri Pameran

Diraja, Galeri Jubli Perak dan Galeri Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Bangunan Alat Kebesaran Diraja dibukakan untuk kunjungan orang ramai pada setiap hari kecuali hari-hari kelepasan awam dan waktu-waktu lawatan ialah pada hari Sabtu hingga Khamis bermula pukul 9.00 pagi

hingga 5.00 petang, manakala hari Jumaat dari jam 9.00 hingga 11.30 pagi dan disambung semula dari 2.30 hingga 5.00 petang yang mana masuk adalah percuma.

**MENTERI** Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin ketika menandatangani lembaran kenangan.



SESI bergambar ramai bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, TYT Pavlo Klimkin.

# Keunikan Masjid Omar 'Ali Saifuddien jadi tarikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari.** - Keunikan seni bina Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang tersendiri merupakan antara daya tarikan dan sambutan pelancong yang berkunjung ke negara ini.

Kunjungan berterusan pelancong ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien ini telah mendapat pengiktirafan dan pernah dinobatkan dengan 'Certificate of Excellence' selama dua tahun berturut-turut pada tahun 2014 dan 2015 oleh Tripadvisor.

Pada sebelah pagi hari ini, Masjid Omar 'Ali Saifuddien telah menerima kunjungan daripada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin serta rombongan yang sedang dalam rangka lawatan ke Negara Brunei Darussalam selama dua hari bermula 13 hingga 14 Januari 2017.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin serta rombongan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Pengarah Hal Ehwal Masjid, Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Masjid Omar 'Ali Saifuddien telah mula dibina pada 1 Jamadilakhir 1373 Hijrah bersamaan dengan 4 Februari 1954 Masihi dan dibuka rasmi oleh Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali



**MENTERI** Hal Ehwal Luar Negeri Ukraine, Tuan Yang Terutama Pavlo Klimkin bergambar ramai bersama Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Pengarah Hal Ehwal Masjid, Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh, dan Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat semasa lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 26 September 1958 Masihi. Masjid ini termasuk dalam senarai 'Heritage Trail' dan diwartakan pada tahun 2011 di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta

Terpendam 1967.

Antara keindahan Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang mendapat perhatian pengunjung ialah satu lagun yang memperlihatkan masjid ini seperti tertimbus di atas air. Di sini juga

terletaknya satu replika bahtera diraja kurun ke-16 bernama Mahligai yang disambung oleh sebuah jambatan kecil ke kawasan taman masjid.

Replika ini dibina pada tahun 1967 Masihi sempena meperingati peristiwa

Nuzul Al-Qur'an dan pernah digunakan sebagai astaka Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an pada penghujung tahun 1960 hingga awal tahun 1970.

# BCYF ketengahkan isu, idea dalam kreativiti dan inovasi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Dk Nurhafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari - Chevening Alumni Brunei menjadi tuan rumah kepada Sesi Ceramah kedua Forum Belia Chevening Brunei (BCYF) 2017 yang membawa bersama kira-kira 100 belia dinamik bagi membincangkan isu-isu an idea mengenai 'Kreativiti dan Inovasi'.

BCYF yang berlangsung di The Core, Universiti Brunei Darussalam telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Ben Boddy.

Melalui BCYF, Chevening Alumni Brunei berhasrat untuk terus mempromosikan peluang rangkaian untuk belia, interaksi antara alumni Chevening dengan belia dan kepimpinan di kalangan belia.

Pada sesi ceramah tersebut, dua penceramah luar negara dari Chevening Alumni serantau telah dijemput iaitu Pengarah dan pembuat filem Gol dan Gincu dari Malaysia,

Bernard Chauly dan Pereka fesyen daripada Lazuli Sarae dari Indonesia, Cik Maretta Nirmanda, yang mengongsikan pemikiran dan pandangan mereka mengenai Pencetusan Kreativiti dan Inovasi melalui pengalaman dan perjalanan dalam industri kreatif.

Bernard Chauly melalui filem beliau 'Istanbul Aku Datang' (2012) telah banyak menerima anugerah termasuk anugerah (komedi) Filem Terbaik Asean pada 2013 manakala Cik Maretta Nirmanda yang memilih falsafah iaitu 'nilai tempatan, daya moden' memainkan peranan penting dalam penggabungan keindahan Indonesia batik dengan denim dengan

bekerja bersama-sama dengan orang seni tempatan Indonesia yang menjadikan Lazuli Sarae sebuah rumah fesyen secara meluas terkenal di Indonesia.

Selain forum, turut diadakan ialah sesi perkongsian belia iaitu daripada Pengasas Bersama / Pemilik Beluneu Filem, Amali Haji Roslin, yang menyentuh mengenai tajuk 'Membangunkan sisi kreatif melalui Kerjasama' dan daripada Pengarah Kreatif Na Forrer, Na Forrer Atelier, Farhanna Pura, melalui tajuk "Who Said Fashion is Not Serious Business?!"

Chevening Alumni Brunei, iaitu Pengasas Songket Alliance, Teah Abdullah, juga bercakap mengenai 'Kreativiti dan peluang' sebelum menyertai Bernard dan Maretta untuk perbincangan panel dan sesi soal jawab.



HADIR selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

The BCYF, yang dianjurkan sejak 2015, telah membawa bersama-sama lebih 500 pemimpin muda masa depan di peringkat kebangsaan untuk melibatkan diri dalam forum dan perbincangan.

Objektif projek adalah untuk membawa pemimpin masa depan muda dan Chevening Alumni dari Brunei dan Wilayah berkumpul di BCYF bagi membincangkan mengenai pandangan, cabaran dan peluang untuk pembangunan Brunei dan wilayah ini.

Dengan memanfaatkan kepakaran alumni dan pengaruh, Chevening Alumni Brunei berhasrat untuk menggalakkan penyertaan belia dalam

bidang-bidang seperti pembangunan ekonomi, ekonomi pengetahuan, pembasmian kemiskinan, budaya dan pembangunan belia.

Fokus utama BCYF tahun ini adalah kepada inovasi dan bagaimana ianya membentuk pembangunan belia dalam bidang seperti pendidikan, penglibatan sivik dan kepimpinan.

Forum tersebut, dibiayai oleh Sekretariat Chevening di bawah Projek Dana Chevening Alumni dibukakan kepada semua belia termasuk pelajar dari institusi tinggi dan menengah serta graduan, golongan profesional muda serta NGO. Di samping itu, Chevening Forum Belia Brunei turut disokong oleh Suruhanjaya Tinggi British.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir ke majlis sesi forum.

## Kerjasama penyelidikan, pembangunan pertanian dimeterai

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) terus berusaha untuk meningkatkan lagi ekonomi negara khususnya melalui bidang pertanian, ternakan dan agrimakanan melalui pelbagai projek kerjasama bersama pihak yang berkenaan dari dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, petang tadi berlangsung Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi Kerjasama dalam Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan acara penandatanganan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini ialah Setiausaha Tetap, KSSUP, Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Menandatangani memorandum bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah dan disaksikan oleh Penolong Pengarah Pertanian, Dayang Fuziah binti Haji Hamdan.

Sementara itu, MARDI diwakili oleh Ketua Pengarah MARDI, Yang Berbahagia Datuk Dr. Sharif bin Haron dan disaksikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, MARDI, Dr. Zainal Abidin bin Hassan.

Juga hadir pada majlis penandatanganan ialah Pesuruhjaya

Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah di bawah KSSUP, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Penandatanganan memorandum persefahaman ini adalah bertujuan untuk menggalakkan kerjasama saintifik dan pendidikan dalam bidang pertanian dan agrimakanan untuk faedah bersama.

Memorandum persefahaman ini meliputi kerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tanaman, ternakan dan agrimakanan; pertukaran maklumat dan kertas kajian; program/projek penyelidikan khas jangka pendek; latihan, kursus-kursus pendek dan penempatan kerja dalam bidang tanaman, ternakan dan agrimakanan; penghantaran pakar, saintis atau juruteknik dalam bidang yang bersesuaian; menganjurkan mesyuarat teknikal; serta gunasama dalam penggunaan peralatan dan perkakas makmal dan ladang.

Dengan kerjasama ini adalah diharapkan ia dapat meningkatkan sumbangan industri pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dengan peningkatan pengeluaran pertanian dan produktiviti melalui penggunaan teknologi tinggi dan peningkatan kemahiran pegawai dan kakitangan jabatan serta para peladang dan seterusnya berupaya meneroka pasaran eksport.

Sementara itu, Yang Berbahagia



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam semasa menyaksikan pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman bagi Kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Negara Brunei Darussalam dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Di dewan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Datuk Dr. Sharif bin Haron ketika ditemui berkata, perjanjian ini akan memberikan peluang untuk bertukar pendapat dan juga teknologi yang mana antara kerjasama yang telah dibincangkan dan persetujuan ialah dari segi benih padi.

Jelas Yang Berbahagia Datuk, buat masa ini benih dari MARDI telah ditanam di Brunei dan akan kembangkan kepada benda-benda lain yang bersesuaian dengan Negara Brunei Darussalam.

"Kita juga akan membincangkan mengenai kemungkinan untuk kita berbincang dan mengadakan

penyelidikan bersama antaranya ialah bagaimana untuk kita menambahkan benih Laila yang ada sekarang ini, bagaimana kita boleh meningkatkan lagi pengeluarannya supaya dapat memenuhi keperluan Brunei dimana keperluannya adalah untuk meningkatkan keluaran padi melebihi sepuluh tan sehektar," ujar Yang Berbahagia Datuk.

Antara yang lain tambah Yang Berbahagia Datuk, juga akan mengadakan kursus di Brunei supaya kita dapat membantu pegawai-pegawai pertanian di Brunei, menggalakkan program-program yang

telah diadakan di MARDI yang sesuai dan boleh digunakan di Brunei seperti penglibatan orang muda dapat digalakkan untuk memulakan perniagaan dalam pertanian.

Yang Berbahagia Datuk menambah, kita melihat potensi penyelidikan dan pembangunan pertanian di Brunei ini begitu besar dan Brunei juga sedang bergerak untuk menghasilkan/eksport pertanian dan di MARDI, Malaysia mempunyai teknologi yang bersesuaian yang mungkin dapat membantu dari segi untuk mencapai sasaran Brunei dalam pertanian.



# SU Haji Mohd Jaafar Maun terima 45 pelajar pra

Berita dan Foto: Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi



GURU Besar Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar Maun, Kiulap, Brunei I, Awang Amran bin Haji Majid.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap, Brunei I merupakan tempat pengajian agama bagi seramai 255 pelajar untuk tahun 2017 Masehi / 1438 Hijrah.

Daripada jumlah tersebut seramai 45 pelajar baharu, yang baru sahaja memulakan sesi pembelajaran agama darjah pra pada 5 Januari 2017 baru-baru ini.

Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap, Brunei I beroperasi

pada sesi petang di bangunan Sekolah Rendah Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap yang juga merupakan sekolah gunasama di bawah tadahan Kawasan Brunei I yang turut menyumbang dalam melahirkan pelajar-pelajar berilmu, berakhlak serta mengamalkan ilmu agama dalam kehidupan seharian.

"Pelajar-pelajar di sini didedahkan dengan pembelajaran menggunakan kemudahan ICT yang mana para guru turut mengajarkan pelajaran agama dengan lebih interaktif serta visual dan antara mata pelajaran yang diajarkan kepada pelajar-pelajar pra sekolah ialah Al-Qur'an, Amali, Didikan Muslim, Pelajaran Jawi dan Bahasa Arab," ujar Awang Amran bin Haji Majid, Guru Besar, Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap semasa ditemui oleh Pelita Brunei.

Semasa kunjungan Pelita Brunei ke sekolah berkenaan pada khamis lepas, Awang Amran yang juga

mengetuai seramai 12 pegawai dan guru di sekolah berkenaan turut mengingatkan para ibu bapa dan penjaga agar sama-sama memantau persekolahan agama anak masing-masing selaras dengan pengenalan kepada Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang mula berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 lalu.

Tambah beliau lagi, rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam amat beruntung dan bersyukur dengan adanya Pendidikan agama secara bersistem yang telah mula dilancarkan di negara ini sejak tahun 1956 lagi serta turut berharap dengan pengajaran subjek-subjek agama seperti pembelajaran Al-Qur'an yang dapat disampaikan dengan lebih terperinci selaras dengan penggunaan teknologi moden semasa.

Tahun 2017 mencatatkan seramai 5764 orang pelajar baharu memasuki pra sekolah di sekolah-sekolah agama seluruh negara.



TAKLIMAT kemasukan Pra Sekolah baru-baru ini.

## 577 murid pra agama mendaftar di Tutong

Berita : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**TUTONG**, Sabtu, 14 Januari. - Pendidikan agama bagi kanak-kanak adalah sangat penting kerana pada peringkat awal pendidikan agama mengutamakan asas pengukuhan akidah, asas pembacaan Al-Quran dan bimbingan serta latihan ke arah mengamalkan dan menghayati fardhu ain.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Tutong, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Sawal semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei pada khamis lepas bertempat di Jabatan Pengajian Islam Daerah Tutong, di sini.

Jelasnya, tujuan pendidikan agama adalah bagi memastikan murid-murid berkebolehan dan sudah terbiasa menunaikan ibadat sembahyang dengan sempurna, bimbingan bersuci dari hadas dan najis serta dapat menguasai bacaan Al-Qur'an dengan baik.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa setakat ini, seramai 577 orang murid telah mendaftar untuk mengikuti sesi persekolahan agama 1438 Hijrah / 2017 Masehi bagi Darjah Pra daripada 29 buah sekolah agama di daerah ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 295 murid adalah murid lelaki, manakala murid perempuan adalah seramai 282 orang.

Terangnya lagi, pada sesi kali ini terdapat seramai 14 orang pelajar lelaki bukan beragama Islam dan 14 orang murid perempuan yang bukan beragama Islam mengikuti sesi persekolahan agama tersebut.

"Alhamdulillah, murid-murid yang berdaftar untuk mengikuti sesi persekolahan pada tahun ini telah memulakan pembelajaran mereka pada 5 Januari lalu yang mana semua ibu bapa / penjaga murid telah diberikan taklimat mengenai Akta Wajib dan persediaan persekolahan yang harus dilaksanakan sebelum bermulanya sesi persekolahan," ujarnya lagi.

## Pendaftaran keputusan IGCSE, BC-GCE 'O', 'A' Level melalui SMS belum lagi dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**SABTU**, 14 Januari 2017. - Berikutan tersebarnya teks pesanan ringkas melalui media sosial mengenai pendaftaran keputusan peperiksaan IGCSE, BC-GCE 'O', 'AS' dan 'A' Level bagi bulan Oktober/November 2016 melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), Kementerian Pendidikan dengan ini memaklumkan bahawa pendaftaran melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) belum lagi dibukakan. Sebarang maklumat berkaitan dengan pendaftaran keputusan tersebut akan diumumkan melalui saluran media-media rasmi.

Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak sah dan boleh mengelirukan orang awam.

pelajar Darjah 5 Jim mendapat tempat kedua dan Dayangku Wardatul Zarinah binti Pengiran Haji Asmanuddin pelajar Darjah 5 Taa mendapat tempat ketiga dalam peperiksaan akhir tahun, masing-masing melahirkan perasaan gembira dan turut berazam akan meningkatkan lagi usaha untuk terus maju dalam bidang pelajaran dan menjadi insan yang berguna pada masa hadapan.



PELAJAR Cemerlang Darjah 6 Tsa Awang Saiful Anwar bin Asri berazam untuk menggandakan usaha bagi meraih keputusan yang lebih baik kelak.



SESI pembelajaran pelajar-pelajar pra sekolah di Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar Maun dengan menggunakan teknologi ICT - Apple Airplay.

# Lebih 60 pelajar terima hadiah kecemerlangan



TETAMU Kehormat Pegawai Pengajian Islam Daerah Kawasan Brunei I Dayang Hajah Noorsiah binti Haji Md Noor menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang berjaya dalam peperiksaan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**MULAUT**, Sabtu, 14 Januari. - Lebih 60 pelajar Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam (SU PAPAUKAI) Kawasan Brunei IV sesi pagi menerima sijil dan hadiah-hadiah sebagai tanda pengiktirafan kepada kecemerlangan akademik dan usaha gigih mereka sepanjang tahun 2016.

Majlis Penyampaian Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Bagi Pelajar Darjah VI Tahun 2015 dan Hadiah Pelajar Cemerlang dan Terbaik serta Hadiah Pelajar yang Masuk Ke Sekolah Arab Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan SU PAPAUKAI, itu disempurnakan oleh tetamu kehormat

majlis iaitu Pegawai Pengajian Islam Daerah Kawasan Brunei I, Dayang Hajah Noorsiah binti Haji Md. Noor.

Pelajar-pelajar yang menerima sijil dan hadiah terdiri dari 57 pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2016; tujuh pelajar Lulus dalam Peperiksaan Calon Ke Sekolah Arab 2016; dua pelajar terpilih bagi Kedatangan Terbaik Tahun 2016; dan dua pelajar cemerlang dalam Peperiksaan SSSRU Tahun 2015.

Antara lain tujuan majlis tersebut diadakan adalah sebagai insentif kepada mereka yang diraikan dan memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar yang lain supaya akan terus mempertingkatkan usaha serta pencapaian akademik mereka dari semasa ke semasa.

Pelita Brunei semasa menemu bual tiga pelajar terbaik dalam peperiksaan akhir tahun masing-masing melahirkan perasaan gembira.

Awang Saiful Anwar bin Asri, pelajar cemerlang Darjah 6 Tsa, mendapat kedudukan pertama dalam peperiksaan akhir tahun berkata, beliau sangat gembira mendapat keputusan yang cemerlang dan berazam akan menggandakan lagi usaha untuk meraih keputusan yang lebih tinggi lagi.

Manakala dua pelajar lagi, Dayang Norfatimah Syamsiah binti Bunyamin,

# Mesyuarat pembubaran, lantikan AJK MPK Kota Batu



PENGHULU Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis (duduk, tiga kanan) bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kota Batu sebelum Mesyuarat Pembubaran Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kota Batu Sesi 2012 hingga 2017 dimulakan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUKIM KOTA BATU, Ahad, 15 Januari. - Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Subok yang baharu diharap akan dapat meneruskan usaha MPK tersebut ke arah memajukan dan meningkatkan kesejahteraan penduduk kampung.

Sehubungan itu, Mesyuarat Pembubaran AJK MPK Kota Batu Bagi Sesi Tahun 2012 -2017 dan Pemilihan AJK bagi MPK Kota Batu sesi 2017 - 2022 diadakan hari ini berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Kampung Sungai Belukut. Sementara itu, Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa MPK Subok akan diadakan pada hari Jumaat, 27 Januari depan pada Majlis Pembubaran Jawatankuasa MPK Kota Batu sesi 2006-2011 dan seterusnya Pemilihan AJK MPK Kota Batu Bagi Sesi Tahun 2017 - 2022 yang akan berlangsung di Masjid Kampung Pelambayangan,

Ahli-ahli Jawatankuasa MPK Subok akan diadakan pada hari Jumaat, 27 Januari depan pada Majlis Pembubaran Jawatankuasa MPK Kota Batu sesi 2006-2011 dan seterusnya Pemilihan AJK MPK Kota Batu Bagi Sesi Tahun 2017 - 2022 yang akan berlangsung di Masjid Kampung Pelambayangan,

Mukim Kota Batu. Hadir selaku tetamu kehormat di mesyuarat pagi tadi ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Semasa merasmikan mesyuarat tersebut tetamu kehormat selaku Pengerusi Mesyuarat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada AJK MPK Subok bagi sesi 2006 hingga 2011 kerana telah banyak menyumbangkan jasa bakti dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kampung.

Beliau juga berasa berpuas hati kerana sepanjang lima tahun tersebut banyak aktiviti telah diadakan.

Sementara itu, Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Naim menegaskan bahawa setiap ahli perlu mempunyai disiplin, cekap dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dan menyeru agar ahli jawatankuasa yang dilantik dapat membangun kampung untuk menjadi contoh kepada kampung yang lain.

Oleh itu jelasnya, setiap ahli yang dipilih hendaklah bersedia menerima lantikan penduduk kampung walaupun tanpa sebarang ganjaran dan menyeru agar penduduk kampung memberikan kerjasama kepada Ketua Kampung dan AJK MPK yang dilantik.

Antara agenda mesyuarat ialah meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung MPK Subok, pembubaran AJK sesi 2011 - 2016 dan seterusnya melantik AJK baharu bagi sesi 2017 - 2022.

# Warga Pandai Besi Prihatin hulu sumbangan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari.- Kebakaran yang melibatkan 24 buah rumah di Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Lurong Dalam pada 8 Disember lalu telah menyebabkan kehilangan harta benda kepada mangsa-mangsa yang terjejas.

Atas dasar keprihatinan, Warga Pandai Besi Prihatin telah mengumpulkan sumbangan daripada ahli-ahlinya bagi membantu meringankan beban mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

Bantuan berbentuk keperluan pakaian, bahan makanan dan minuman

diserahkan kepada sembilan orang keluarga.

Bagi tujuan tersebut, satu majlis penyerahan bantuan telah diadakan di kediaman Ketua Kampung Pandai Besi 'A', Pengiran Haji Ayub bin Pengiran Sulaiman yang juga menyempurnakan penyampaian bantuan kepada mangsa-mangsa berkenaan.

Ketika ditemui, Ketua Kampung Pandai Besi 'A' menjelaskan sumbangan tersebut begitu banyak diterima dari para penderma seperti barang keperluan asas.

Selaku Ketua Kampung Pandai Besi

'A', beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penderma-penderma yang menghulurkan sumbangan.

Salah seorang penerima sumbangan, Awang Haji Rahim bin Dato Paduka Haji Othman pula melahirkan rasa syukur atas sumbangan yang dihulurkan oleh para penderma kepada mangsa-mangsa kebakaran.

Katanya, dengan adanya bantuan yang diterima dapatlah meringankan beban mereka sekeluarga dan merasa bertuah kerana pihak tertentu masih lagi menyumbangkan beberapa sumbangan untuk mereka.

**PENYAMPAIAN** sumbangan berupa wang dan barangan keperluan asas kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam tragedi kebakaran baru-baru ini.



## HALUAN

### Dari muka 2

Perkara ini adalah sangat penting dan relevan, bukan setakat untuk kepentingan diri sendiri, tetapi juga adalah untuk kepentingan ummah dan negara untuk memiliki para bijak pandai yang memangkin kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang berkualiti tinggi. Malah dalam masa yang sama akan dapat menaikkan lagi nama dan reputasi UNISSA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang digalati di persada antarabangsa. Saya juga berharap kepada para tenaga akademik yang lebih senior agar dapat membimbing dan menjadi mentor kepada mereka yang lebih junior.

Saya juga turut merasa gembira apabila mendapat tahu program-program jangka pendek yang dibukakan kepada orang ramai mendapat sambutan daripada

## UNISSA mampu lahirkan ulama, sumber tenaga manusia bertakwa

masyarakat seperti Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran, Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (PKBQ), Program Memahami Dan Menghayati Al-Quran. Saya berharap program-program atau kursus-kursus singkat bagi orang ramai seperti ini akan diperkembangkan lagi agar mencakupi ruang lingkup yang luas. Ini menepati sifat UNISSA sebagai sebuah universiti Islam yang bertanggungjawab dalam memberi kefahaman tentang Islam yang betul dan muktabar kepada masyarakat.

Menyentuh tentang khidmat kepada masyarakat, saya mengambil maklum bahawa warga UNISSA, sama ada dari kalangan pelajar atau tenaga akademiknya telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik terhadap masyarakat setempat, terutama sekali dalam menyampaikan ceramah-ceramah agama, kuliah-kuliah di masjid serta kesedaran yang begitu tinggi dalam membantu

masyarakat yang memerlukan bantuan.

Usaha berkebakikan seperti ini hendaklah diteruskan dan diperkasakan lagi bagi memastikan kehidupan masyarakat yang harmoni dan memastikan ajaran Islam yang diajarkan di negara ini adalah yang betul dan selaras dengan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Berkenaan dengan penyelidikan pula, saya berharap UNISSA mengambil perhatian yang serius terhadap saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya UNISSA memantapkan profil penyelidikannya bagi memastikan UNISSA dapat menggabungkan diri dalam kelompok universiti Islam ternama dunia.

Saya maklum bahawa UNISSA telah melaksanakan beberapa penyelidikan dan aktif menganjurkan seminar yang dilaksanakan secara

kolaborasi dengan beberapa institusi pengajian tinggi luar negara. Saya yakin aktiviti secara kolaborasi seperti ini sudah pasti akan dapat mempertingkatkan kualiti dan menaikkan imej UNISSA, selain sebagai platform UNISSA untuk memainkan peranannya dalam pembangunan ummah di peringkat global.

Dalam masa yang sama, UNISSA perlu juga menjalankan penyelidikan yang memberi impak sangat besar kepada masyarakat setempat seperti isu-isu sosial merangkumi isu keruntuhan akhlak, penyalahgunaan dadah, ekonomi dan sebagainya. Hasilnya nanti boleh dijadikan rujukan dalam membantu pihak kerajaan dan agensi-agensi tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Akhirnya dikesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada penerima-penerima anugerah kecemerlangan UNISSA. Saya berharap pencapaian mereka ini

akan menjadi pembakar semangat, bukan sahaja kepada para penerima bahkan juga kepada warga UNISSA yang lain. Saya juga berharap kepada para penerima agar terus aktif, inovatif dan kreatif dalam menjalankan tugas mereka.

Sebelum berundur, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada seluruh warga UNISSA, kepada Rektor UNISSA, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, para tenaga akademik serta seluruh pegawai dan kakitangan UNISSA atas usaha yang gigih dan tidak mengenal lelah dalam membangun UNISSA sebagai institusi yang melahirkan sumber tenaga mamang berwibawa demi kesejahteraan dan kemajuan agama, bangsa dan negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang membalas segala sumbangan ilmu dan tenaga dengan ganjaran yang setimpal. Amiin Amiin Amiin Ya Rabbal Alamiin.

Sekian.

# “Berniaga sambil beramal”

## Kunci kejayaan Dayang Hajah Jainah



RESTORAN Tanda Kasih.



PEMILIK Restoran Tanda Kasih Dayang Hajah Jainah binti Haji Lahab.

**D**I MANA ada kemahuan di situ ada jalan. Bermula dari angan-angan memiliki sebuah restoran berkonsepkan 'open air', Hajah Jainah Haji Lahab, 66 tahun, mantan guru yang kini sudah bersara, sudah boleh berbangga dengan pencapaian Restoran Tanda Kasih (RTK) miliknya yang terletak berdekatan Sungai Kelakas di Kampung Keriam Tutong.

Rasanya bagi mereka yang gemar makan di restoran-restoran di negara ini, RTK yang terkenal dengan Nasi Ayam dengan harga mampu milik bukanlah asing bagi mereka. Bagi mereka yang sering berulang alik dari Daerah Belait ke Bandar Seri Begawan atau pun sebaliknya, RTK antara restoran yang menjadi persinggahan untuk mengalaskan perut mahupun untuk 'menapau' makanan untuk di bawa pulang bagi santapan keluarga.

### MEMBINA

Menurut Dayang Hajah Jainah, beberapa bulan sebelum bersara iaitu sekitar pertengahan tahun 2004, beliau telah pun mula membina bangunan restoran di atas sebidang tanah sederhana luas milik sendiri yang memakan kos sebanyak BND 80,000. Setelah segala pengurusannya selesai pada penghujung tahun 2004, restoran tersebut telah pun memulakan operasinya pada 27 Februari 2005 dengan tenaga kerja seramai enam orang termasuk seorang tukang masak.

### PENGALAMAN BERNIAGA

Pencapaian restoran yang dikecapi pada hari ini sememangnya bukanlah mudah malah banyak cabaran yang ditempuhi sebelum mencapai apa yang diperolehi pada hari ini. Menurut beliau, pada enam bulan pertama setelah beroperasi, pendapatan seharian adalah masih pada kadar perlahan. Setelah enam bulan hingga dua tahun beroperasi, RTK mula dikenali dan pelanggan semakin ramai serta pendapatan meningkat. Kini RTK telah pun beroperasi selama 12 tahun, RTK masih dikenali dan, mempunyai pelanggan tetap yang ramai, semakin maju dan pendapatan harian yang cukup lumayan. Pelanggan adalah terdiri pelbagai lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam serta pelancong dan delegasi dari luar negara.

Kini tenaga kerja RTK telah meningkat kepada 22 orang, sesuai dengan keperluan bagi kelancaran operasi.

Berkat usaha keras RTK selama ini, RTK membuka cawangan baharu di Food Court Complex Jerudong Park No. 12 pada 12 Disember 2016. Dengan pembukaan cawangan baharu ini tentunya memudahkan lagi para pelanggan dari Bandar Seri Begawan mendapatkan menu kegemaran mereka.

### PAHIT MANIS BERNIAGA

Sepanjang 12 tahun berniaga, beliau tidak terlepas menghadapi pahit manis berniaga. Antara yang pernah beliau hadapi ialah pekerja bermasalah, menerima kritikan pelanggan, menghadapi kerosakan peralatan restoran yang diluar jangkaan. Malah yang paling tidak dapat dilupakan ialah menerima tuduhan palsu yang diviralkan dan disebarkan di media massa.

Antara perkara yang menyeronokkan semasa berniaga ialah sering berdamping dengan ramai orang dan sahabat handai dan menerima penghasilan yang tunai dan lumayan.

### SARANAN

Dayang Hajah Jainah menjelaskan bahawa asas untuk memulakan perniagaan adalah menabung (*Saving*), membuat perancangan terlebih awal sebelum bersara dan pastikan benar-benar bersedia untuk memulakan perniagaan.

Dengan bermotokan "Berniaga dan Beramal Kebajikan", Dayang Hajah Jainah turut beramal melalui perniagaannya dengan memberikan harga menu yang murah, menyediakan buah-buahan setiap Khamis, menjaga kebajikan kepada warga emas, memberikan saguhati kepada pekerja, memberikan sumbangan kepada masjid Kampung Keriam, dan membantu keluarga yang dalam kesusahan.

Asas kejayaan beliau hari ini adalah berkat sabar, tawakkal, jujur dan ikhlas pada setiap tindakan. Selain itu beliau turut mendapat sokongan moral daripada keluarga dan



RESTORAN Tanda Kasih dihiasi dengan tanaman-tanaman dan perhiasan bagi menyambut kunjungan pelanggan.

Oleh: Norliah binti Md. Zain  
Foto: Hernie Suliana binti Haji Othman

kawan-kawan, di samping menerima kritikan dengan hati terbuka dan ikhlas. Beliau juga tidak segan untuk melibatkan diri di setiap peringkat operasi di samping bersemangat kental dan berwawasan.

Mengakhiri temu bual, Dayang Hajah Jainah turut menyarankan kepada bakal usahawan agar

sentiasa ikhlas dan jujur, siap siaga menanggung risiko, jangan terlalu fokus kepada keuntungan atau kekayaan, sabar, azam yang kuat, mesra kawan, positif, rendah diri dan berfikiran terbuka. Jika model tidak mencukupi, mula secara kecil kecilan dahulu.



RESTORAN Tanda Kasih menjadi pilihan keluarga untuk makan di luar.

# Pelangi FM capai pelbagai matlamat



PENGARAH Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu (dua, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat Sambutan Ulang Tahun Ke-21 Pelangi FM bertempat di Wayback Burgers, Giant Rimba.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto: Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Januari. - Sepanjang 21 tahun Rangkaian Pelang atau Pelangi FM berkumandang di radio, pelbagai matlamat dan usaha telah dicapai memandangkan ia merupakan

rangkaian paling popular di antara lima rangkaian stesen Radio Brunei yang ada.

Rangkaian Pelangi akan terus mengatur strategi dengan mengadakan rancangan-rancangan atau

program-program yang lebih menarik seperti Carta Pelangi, Best 914 dan Anugerah Pelangi yang tersendiri.

Demikian dijelaskan oleh Pemangku Ketua Rancangan Radio, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud semasa ditemui oleh Pelita Brunei pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Rangkaian Pelangi ke-21 bertempat di Restaurant Wayback Burgers, cawangan Giant Rimba, di sini.

Menurutnya, rangkaian-rangkaian stesen Radio Brunei adalah sebagai platform untuk terus menggerakkan dan mengembangkan lagi peranannya sebagai lidah kerajaan yang menyambung kesinambungan kemajuan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Dengan adanya radio ini juga jelasnya, ia dapat mendekatkan lagi hubungan warga radio dengan agensi-agensinya kerajaan dan swasta dengan menekankan aspek-aspek serta nilai-nilai sosial, budaya dan sebagainya.

"Tahun ini merupakan tahun keramat bagi Radio Brunei kerana pada bulan Mei nanti akan mencecah usia 60 tahun. Radio Brunei mempunyai sebanyak lima buah rangkaian dan Rangkaian Pelangi adalah rangkaian pertama yang meraikan ulangtahunnya ke-21 buat

pertama kali sejak ianya ditubuhkan," ujarnya.

Setakat ini tambahnya, Rangkaian Pelangi mempunyai seramai lima pegawai tetap yang bertugas sebagai Penyiar Radio dan seramai lapan juruhebah sambilan.

Pelangi FM yang pada awalnya dikenali sebagai 91.4 FM mula melancarkan siaran percubaannya pada 23 Februari 1995 sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-11.

Siarannya hanya ke udara mulai pukul 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 4.30 petang setiap hari dalam lingkungan lapan ke sembilan kilometer sahaja.

Pada 1 Januari 1996, 91.4 FM mula melebarkan siarannya dengan menggunakan nama Rangkaian Pelangi melalui frequency 91.4 FM bagi para pendengar di kawasan Daerah Brunei Muara dan Temburong manakala frequency 91.0 FM bagi para pendengar di kawasan Daerah Tutong dan Belait.

Siarannya ke udara 18 jam sehari mulai pukul 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari.

Mulai 1 Januari 2001, Rangkaian Pelangi ke udara 24 jam pada setiap hujung minggu dan 24 jam sehari dengan menggunakan automation

pada hari-hari lainnya mulai 2 Mei 2005, iaitu sempena Ulang Tahun Perkhidmatan Radio Brunei ke-48.

Rangkaian Pelangi berkonsepkan 80 peratus infotaimen iaitu menghibur sambil memberi informasi dengan menghadirkan lagu-lagu dalam bahasa Melayu dan Inggeris termasuk lagu-lagu antarabangsa.

Pemilihan lagu-lagu disiarkan adalah lagu-lagu tahun 2000 ke atas yang mana sasaran para pendengar ialah remaja dan belia yang berumur antara 12 ke 35 tahun.

Tetapi menurut hasil kajian yang pernah dijalankan, ramai juga di antara mereka yang mendengar Rangkaian Pelangi berumur 40 tahun ke atas.

Hadir pada majlis tersebut, Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan lagi majlis sambutan ulang tahun tersebut antaranya Pertandingan Makan Burger (Eating Burger Competition), Face Painting, peraduan mewarna dan persembahan nyanyian Ukulele.

Majlis adalah dengan kerjasama Wayback Burgers yang merupakan salah satu aktiviti bersempena dengan 60 tahun penubuhan Radio Brunei yang jatuh pada 2 Mei 2017 nanti.

## Dua pelajar MSPSBS wakil Brunei ke ISYF

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Seramai dua Pelajar Pintar Cerdas dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) mewakili Negara Brunei Darussalam ke Forum Sains Remaja Antarabangsa (ISYF) Kali Ke-9 di Singapura selama lima hari bermula 15 Januari ini.

Mereka terdiri Awang Muhammad Khairin bin Haji Fadzil dan Awang Chow Jun Wei, diketuai oleh Guru Pemimpin bagi Pendidikan Pintar Cerdas, Awang Haji Eddy Masirwan bin Haji Dolah yang juga merupakan salah seorang tenaga pengajar di MSPSBS.

Awang Muhammad Khairin berkata, beliau dan rakannya telah menerima latihan dari Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan bagi sesi pembentangan poster dan turut mendapat bimbingan daripada guru-guru serta ibu bapa mereka sebagai persediaan sebelum menghadiri program berkenaan.

"Saya berharap agar setiap pengalaman dan ilmu pengetahuan yang akan saya perolehi pada program tersebut nanti akan dapat dimanfaatkan serta dikongsikan bagi mengembangmajukan ilmu Sains di Negara Brunei Darussalam pada masa hadapan," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui Pelita Brunei di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum beliau berserta delegasi berlepas dari tanah air bagi menghadiri program berkenaan.

Sementara itu, Awang Chow Jun Wei, ketika ditemui menjelaskan bahawa beliau terlebih dahulu mencari maklumat mengenai saintis-saintis serta penerima anugerah Nobel yang akan beliau temui sebagai persiapan bagi memudahkan beliau mengemukakan pertanyaan pada sesi bersemuka nanti.

Turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada delegasi ialah Pemangku Ketua


UPK, Awang Haji Ali Yusri bin Hj Abdul Ghafoor dan Pemangku Pengetua MSPSBS, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal.

ISYF merupakan sebuah program bertaraf dunia yang dianjurkan bersama oleh Institut Hwa Chong serta Universiti Teknologi Nanyang dan disokong oleh Kementerian Pendidikan Singapura.

Ia diadakan bertujuan untuk mendedahkan serta memupuk nilai-nilai teras yang diperlukan bagi setiap pelajar untuk meneroka serta membangunkan teknologi-teknologi baharu bagi meningkatkan kehidupan seharian manusia.

Para pelajar juga akan berpeluang bersemuka dengan saintis-saintis terkemuka dan penerima anugerah Nobel Laureates dalam sesi Master Classes dan Focused Dialogues yang mana mereka akan menunjukkan serta berbincang bersama para pelajar bagaimana sains abstrak dapat dijelaskan dengan lebih ringkas dan mudah difahami.

Antara penerima anugerah Nobel Laureates yang diundang pada tahun ini ialah penerima Hadiah Nobel dalam Fizik 2003, Sir Anthony James Leggett; penerima Hadiah Nobel



TURUT berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Ali Yusri bin Abdul Ghafoor dan Pemangku Pengetua Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal.

dalam Fisiologi / Perubatan 2001, Sir Tim Hunt dan penerima Hadiah Nobel dalam Kimia 1992, Profesor Rudolph A. Marcus.

Pada program tersebut juga, Awang Chow Jun Wei akan menyampaikan posternya yang bertajuk 'The Effects of Fruit Skin on the Rate of Growth of Plants' dalam pertandingan, manakala

Awang Muhammad Khairin dengan posternya bertajuk 'Methods of Conserving Water' akan dibentangkan dalam pameran.

Bertemakan 'Inovasi untuk Kehidupan yang Lebih Baik', ISYF akan dihadiri seramai lebih 150 pelajar dan pendidik dari pelbagai negara di seluruh dunia.

## Tiga penuntut wakili negara ke ACGS, Beijing

Berita dan Foto: Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Negara Brunei Darussalam akan menyertai

Perkhemahan dan Bengkel Sains bagi Penuntut dan Guru Yang Berbakat ASEAN + 3 (ACGS) Kali Ke-8 yang



TIGA orang penuntut dan seorang guru berlepas ke Republik Rakyat China bagi mewakili negara dalam Perkhemahan dan Bengkel Sains bagi Penuntut dan Guru Yang Berbakat ASEAN + 3 (ACGS) Kali Ke-8.

akan diadakan di Sekolah Tinggi No. 35 di Beijing, Republik Rakyat China mulai 15 hingga 19 Januari 2017 ini.

Melalui Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, negara akan diwakili oleh tiga orang penuntut dan seorang guru iaitu Joan Lim Zhee dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Dayang Nur Almas Barizah binti Ali Hazis dari Sekolah Menengah Sufri Bolkliah, Tutong dan Dayangku Siti Farah Abadi binti Pengiran Haji Shariful dari Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).

Majlis mengucapkan selamat belayar kepada para penuntut dan guru berkenaan telah diadakan di Balai Perlepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang turut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Ketua Unit Pendidikan Khas, Dr. Dayang Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Alimin.

Sepanjang berada di Beijing para penuntut berkenaan turut diiringi oleh

pegawai pengiring Dayang Nurul Syazana binti Ismail dari MSPSBS yang akan turut mengikuti bengkel, pembentangan, perbincangan dan sesi kongsi sama dalam bidang-bidang pendidikan khas dan pembelajaran sains secara am.

Perkhemahan dan Bengkel Sains bagi Penuntut dan Guru Yang Berbakat ASEAN + 3 (ACGS) Kali Ke-8 merupakan sebuah program yang penuh berprestij dalam memberikan peluang kepada penuntut berbakat menyertai aktiviti-aktiviti penyelidikan.

Program kali ini membawa tema "Dreamer, Thinker, Maker" yang akan menawarkan lima bidang ciptaan iaitu rekaan dan pembuatan model jambatan, model pesawat terbang, model satellite, operasi robot bola sepak dan cetakan 3D yang akan disampaikan melalui kuliah, kerja berpasukan dan secara eksperimen.

Sementara itu, semasa ditemui Pelita Brunei, peserta program Dayangku Siti

Farah Abadi binti Pengiran Haji Shariful pelajar tahun 10 dari JIS berharap agar dapat menimba pengalaman bersama para peserta dari negara lain sepanjang program itu nanti.

Manakala Joan Lim Zhee dari MSPSBS menyatakan bahawa persiapan telah dibuat sejak awal lagi termasuk membuat lawatan ke tapak projek jambatan penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong bagi mempelajari aspek-aspek pembinaan jambatan tersebut memandangkan salah satu bidang yang bakal disertai di sana nanti ialah mengenai pembinaan jambatan.

Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas secara berterusan komited dalam mendedahkan dan menggalas bakat para pelajar yang berbakat kepada peluang-peluang pembelajaran secara berterusan dalam bidang-bidang yang merupakan keperluan negara ke arah menaiki Wawasan Negara 2035.

# Pastikan pelajar sentiasa aktif, berdisiplin dan cerdas



**KOKURIKULUM, Kementerian Pendidikan, Awang Azis bin Haji Nayan semasa menyampaikan surat lantikan kepada salah seorang wakil sekolah.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Mohd. Sharizal Haji Mohd. Said

**PULAIE, Sabtu, 14 Januari.** - Pendidikan kokurikulum masih relevan dan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berdisiplin, sihat, cergas dan cerdas.

Pada masa yang sama, ia juga berperanan dalam memastikan para pelajar untuk sentiasa menjadi lebih interaktif dalam pergaulan melalui pelbagai aktiviti kokurikulum yang dijalankan.

Sehubungan itu, petang tadi berlangsung Majlis Penyampaian Surat Lantikan Tuan-tuan Rumah bagi Aktiviti-Aktiviti Kokurikulum Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Sekolah Rendah bagi Tahun 2017 bertempat di Bilik Kuliah, Sekolah Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Azis bin Haji Nayan.

Penyampaian surat lantikan kemudiannya disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada wakil-wakil sekolah dari keempat-empat daerah yang telah terpilih untuk menjadi tuan rumah mengikut zon masing-masing bagi pertandingan pelbagai aktiviti-aktiviti kokurikulum yang telah ditetapkan.

Selain daripada pertandingan berbentuk sukan, pertandingan aktiviti berbentuk kesenian dan kebudayaan seperti pertandingan nasyyid dan lagu-lagu dakwah, menghafaz ayat-ayat lazim dan sebagainya juga

akan diadakan.

Antara lain tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai usaha JPK dalam memastikan setiap sekolah-sekolah yang telah terpilih menerima

lantikan secara rasmi dan sumbangan peralatan sukan yang bersesuaian bagi mengendalikan pertandingan serta aktiviti-aktiviti kokurikulum yang ditetapkan.



**PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum semasa menyampaikan Surat Lantikan Tuan-tuan Rumah bagi Aktiviti-Aktiviti Kokurikulum Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Sekolah Rendah bagi Tahun 2017.**

## Wujudkan hubungan erat kerajaan dan rakyat

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**KUALA BELAIT, Sabtu, 14 Januari.** - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Bersua Muka kali ini diteruskan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait dan Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Sulaiman bin Haji Udin.

Rombongan Jabatan Penerangan telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait dan Ketua Kampung Pandan 'A', sementara rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan disertai oleh pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit yang berkenaan.

Program dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Awang Ahmadani bin Haji Abdul Rahman dan diteruskan dengan sesi suai kenal di antara Jabatan Penerangan dan penduduk kampung yang hadir pada majlis tersebut.

Semasa temu bual Pelita Brunei, Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait dan Ketua Kampung Pandan 'A' berkata, "Program seumpama ini wajar diteruskan dan ianya memang satu langkah yang positif dan merupakan kejayaan pertama dalam sama-sama menuju kejayaan dalam pembangunan kampung dan masyarakat di dalamnya."

Antara yang dikongsikan dari penduduk kampung adalah cadangan-cadangan penambahbaikan bagi memajukan kedua-dua buah kampung tersebut dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran diri, pendidikan dan keusahawanan.

Program tersebut merupakan salah satu aktiviti berterusan yang diungkuhkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui cawangan

Penerangan Belait dan salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.

Selain itu, program tersebut juga merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara.

Ia juga untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Jabatan Penerangan berperanan dalam membarigakan dan

mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung terutamanya tempat dan produk-produk kampung untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) yang akan disiarkan di Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Melalui program berkenaan, jabatan memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Paper Pelita Brunei dan Pelita Brunei 'online' termasuk tatacara untuk memuat turun e-Paper Pelita Brunei.

Penggunaan bendera, 'banner' dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Dalam membantu penduduk

kampung untuk mengetahui, memahami dan menghayati maklumat-maklumat penting lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013, keusahawanan dan sebagainya, satu program, iaitu Program Masyarakat Maklumat juga dikongsikan kepada ahli MPM dan MPK yang mana program ini adalah landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan, bukan sahaja melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan malah juga melalui lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah masih relevan dalam zaman yang canggih ini kerana ia lebih bersifat 'personal' dan interaksi akan lebih berkesan serta dapat memberikan

jalinan muhibah yang baik.

Hubungan baik yang sedia terjalin antara warga perkhidmatan awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara.

Ia sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Dengan adanya program sebegitu ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat.

Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk mempunyai laman media sosial di era yang serba canggih ini, penduduk negara ini boleh mengikuti Facebook Jabatan Penerangan, iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, akaun Twitter : @infodept\_bn dan akaun Instagram : @infodept.bn.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (sembilan dari kanan) dan Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait dan Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Sulaiman bin Haji Udin (lima dari kiri) bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan beberapa penduduk kampung ketika Program Bersua Muka diadakan.**



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 05/01/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 16 JANUARI 2017**  
**TARIKH TUTUP: 30 JANUARI 2017**

**1. JURUTERA  
 B.2 EB.3 / B.2  
 BAHAGIAN II  
Bagi Dayang Norsyafiqah binti Mohd. Ali Abu Hanafiah dan Aisah Farhana binti Haji Khalid, masing-masing berasa bangga dan berhasrat ingin menjadi qariah sementara Dayang Nonabillah binti Haji Ibrahim pula berhasrat untuk membanggakan ibu bapa dan ingin menjadi tenaga pengajar selain akan menyertai sebarang pertandingan tilawah Al-Quran jika diberikan peluang.



AWANG Ahmad Tarmizi bin Haji Khalid dan Awang Mohd. Wafi Fatullah bin Morsidi.



DAYANG Norsyafiqah binti Mohd Ali Abu Hanafiah dan Dayang Aisah Farhana binti Haji Khalid.

## Pelajar UNISSA hadiri Persidangan Tahunan ALSA 2017



LAPAN pelajar dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA sebelum berlepas ke Bandung, Indonesia bagi menyertai Persidangan Tahunan ALSA 2017.

Berita dan Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Januari. - Seramai lapan pelajar dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan mengambil bahagian dalam Persidangan Tahunan Persatuan Pelajar Undang-Undang Asia (Asian Law Students' Association - ALSA) 2017 di Bandung, Indonesia.

Delegasi UNISSA diketuai oleh Presiden ALSA Brunei Darussalam 2016/2017, Haji Muhammad Danish Iqbal Bin Haji Ariffin.

Persidangan yang bermula hari ini hingga 21 Januari 2017, akan melibatkan perhimpunan ratusan pelajar undang-undang dari 15 buah negara.

Sebelum bertolak, Presiden ALSA Brunei Darussalam berkata, pelajar UNISSA akan menghadiri Mesyuarat Pengelola Majlis, Model Bangsa-Bangsa Bersatu (MUN), serta beberapa seminar Antarabangsa ALSA.

Model Bangsa-Bangsa Bersatu (MUN) adalah simulasi PBB yang

bertujuan untuk mendidik peserta mengenai peristiwa-peristiwa semasa, isu-isu dan masalah dalam hubungan antarabangsa, diplomasi dan Agenda Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jelas Haji Muhammad Danish, Model PBB (MUN) akan memberi tumpuan kepada Hak Harta Intelek, khususnya World Intellectual Property Organization (WIPO).

Seminar Antarabangsa ALSA yang akan dihadiri para pelajar tersebut katanya akan dijalankan dalam 2 sesi, di mana sesi pertama akan memberi tumpuan kepada "Peranan Hak Harta Intelek dan perlindungan mereka di Negara Membangun" (The Role of Intellectual Property Rights and their protection in Developing Countries) dan seminar kedua Perkongsian Alumni ALSA (ALSA Alumni Sharing).

Delegasi ALSA Brunei Darussalam juga akan berkesempatan melawat Gedung State di mana para perwakilan akan didedahkan kepada cara kerja, struktur serta persekitaran kerja

mereka Kerajaan Barat Jawa dan sebagainya.

Sementara itu, lapan pelajar UNISSA tambahnya akan mengikuti aktiviti khidmat masyarakat di Jalan Cibunut, Bandung. Aktiviti-aktiviti ini termasuk penanaman tumbuhan-tumbuhan sebagai usaha utama yang akan menjadi pengalaman yang sangat bermakna bagi para perwakilan dalam memahami kepentingan mencintai alam sekitar selari dengan objektif ALSA yang bukan sahaja berfikir secara global, komited dalam bidang akademik dan berkemahiran dari segi undang-undang, tetapi juga bertanggungjawab dari segi sosial.

Antara yang akan menghadiri Mesyuarat Majlis Pimpinan adalah Haji Muhammad Danish Iqbal Bin Haji Ariffin, Nazihatul Afifah binti Abdul Hamid, Sa'adatul Fauziah Akmal binti Haji Zamain, Arif Azhan bin Awang Besar, Nur Azmina binti Haji Malik, Nur A'bidah binti Haji Mahri dan Azilla Liyana binti Mohd. Azam Zaki. Manakala Nur IznI binti Madani akan mengambil bahagian dalam Model Bangsa-Bangsa Bersatu (MUN).

## Lapan pelajar terpilih ikuti STAR di Daerah Temburong

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**TEMBURONG**, Ahad, 15 Januari. - Seramai lapan orang pelajar baharu Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) bagi pengambilan ke -20 bagi Sesi Tahun 2017-2018 hari ini memulakan pembelajaran di Tahun 1 skim tersebut sejurus selepas berlangsungnya sesi pendaftaran Tahun 1 bermula jam 7.45 pagi hingga 8.30 pagi bertempat di bangunan Sekolah Arab Temburong, di sini.

Terdahulu, Pegawai IRK dan Pelajaran Lanjutan Daerah, Awang Jefry bin Othman dalam taklimatnya antaranya menerangkan mengenai panduan skim ini yang mengalu-alukan kemasukan pelajar baharu bagi sesi 2017-2018 selain menjelaskan mengenai sesi pembelajaran sepanjang dua tahun skim berlangsung, penekanan kepada kehadiran pelajar, serta ujian akhir semasa pelajar berada penghujung Tahun 2 nanti.

Beliau juga menasihatkan para pelajar untuk sentiasa menjaga adab sopan khususnya dari segi berpakaian serta menjaga keselamatan masing-masing semasa menghadiri kelas setiap hari Jumaat dan Ahad setiap minggu.

Lapan orang pelajar ini telah berjaya terpilih mengikuti skim ini mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan setelah menjalani temuduga pada penghujung tahun lalu bersama 16 orang pelajar lain dari Daerah Temburong sebelum ini.

Semasa berada di Tahun 1, di bawah pengawasan seorang tenaga pengajar, mereka akan mendalami pembacaan Al-Quran secara murattal, tajweed, tarannum dan tausyeh.

Salah seorang pelajar yang terpilih, Awang Mirza Hazimy bin Helmy, 12 tahun yang belajar di Sekolah Agama Puni, ketika ditemui berkata, beliau sendiri berminat menyertai skim ini untuk meningkatkan lagi mutu bacaan Al-Qurannya secara murattal dan bertarannum. Awang Mirza yang mendapat sokongan penuh daripada ibu-bapa dan guru-guru agama sekolahnya untuk menyertai skim ini turut bercita-cita untuk mengikuti pertandingan-pertandingan musabaqah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

STAR merupakan skim yang dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi melahirkan remaja berpotensi dalam bidang pembacaan Al-Quran secara bertarannum.

Ia bertujuan untuk melatih dan membimbing remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah masyhur bagi melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran remaja berpotensi untuk dijadikan sebagai pelapis qari dan qariah negara ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



SERAMAI lapan orang pelajar baharu Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) bagi Pengambilan Ke-20 bagi Sesi Tahun 2017-2018 telah memulakan pembelajaran di Tahun 1 bertempat di Bangunan Sekolah Arab Temburong.

## Penyertaan pelajar dalam STAR meningkat

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang terpilih mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

**GADONG**, Ahad, 15 Januari. - Seramai 147 pelajar dari Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah berjaya terpilih bagi mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) setelah menjalani temuduga yang diadakan pada bulan Oktober dan November yang lalu.

Pegawai Pelajaran, Unit Tilawah Al-Quran dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Haji Japar bin Haji Ibrahim@Ibrahim berkata, terdapat peningkatan dari penyertaan para pelajar bagi mengikuti skim tersebut berbanding pada tahun lalu.

"Sambutan daripada para ibu bapa yang mendaftarkan anak-anak mereka bagi mengikuti skim ini amat ketara kerana mereka melihat betapa pentingnya menitik beratkan pembacaan Al-Quran anak-anak mereka, yang mana ia juga selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara zikir," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui Pelita Brunei pada Majlis Pendaftaran Pelajar-Pelajar STAR Pengambilan Ke-20 Sesi 2017-2018 bagi DBM di Sekolah Agama Beribi, di sini.

Pada majlis tersebut, Awang Haji Japar turut menyampaikan taklimat mengenai latar belakang STAR dan panduan am mengenai skim berkenaan kepada para pelajar baharu.

STAR merupakan skim yang dikendalikan oleh JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi melahirkan remaja yang berpotensi dalam bidang pembacaan secara bertarannum.

Skim yang mula ditubuhkan pada tahun 1997 ini mempunyai objektif untuk melatih dan membimbing remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur serta bagi melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran remaja yang berpotensi sebagai pelapis qari dan qariah negara peringkat kebangsaan.

## 11 pelajar Daerah Tutong terpilih ikuti STAR ke-20

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Ahad, 15 Januari. - Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) merupakan skim yang dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi melahirkan remaja yang berpotensi

dalam bidang pembacaan Al-Quran secara bertarannum.

Skim ini mula ditubuhkan pada tahun 1997.

Pada tahun ini, Jabatan Pengajian Islam (JPI) mengadakan Majlis



**AWANG** Muhammad Aminuddin Shah bin Haji Rosman dari Mahad Islam Brunei berharap akan meningkatkan mutu bacaan Al-Quran melalui Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).



**DAYANG** Nur Maizatul Hazirah binti Mohammad Hussaini dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah gembira diterima masuk Skim Tilawah Al-Quran Remaja bagi Daerah Tutong.

## Al-Quran, Al-Hadis petunjuk umat manusia

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hamzah Mohidin



**GURU** Penghubung Belajar Mengaji Al-Quran Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Mudim Haji Suhaili bin Haji Kalong semasa ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Januari. - Al-Quran diturunkan sebagai pegangan, pedoman dan petunjuk bagi umat manusia agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat.

Guru Penghubung, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Mudim Haji Suhaili bin Haji Kalong berkata, membaca Al-Quran merupakan salah satu pegangan, jika ingin selamat dunia dan akhirat berpeganglah kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

"Di samping itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menekankan bahawa rakyat Negara Brunei Darussalam disarankan untuk celik Al-Quran, mesti pandai membaca Al-Quran," ujarnya semasa ditemui oleh Pelita Brunei ketika ditanya mengenai pembelajaran Membaca Al-Quran (mengaji) di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Menurutnya, kelas ini ditubuhkan antaranya adalah untuk membantu para ibu bapa untuk menambah kepandaian kanak-kanak memandangkan di sekolah masa yang ditetapkan tidak mencukupi, dengan adanya kelas pada Hari Jumaat dan Ahad akan menambah dan menolong anak-anak untuk mendalami Al-Quran.

Beliau menjelaskan, para murid-murid di sini belajar asas-asas seperti membaca doa-doa, sembahyang, berwudhu untuk tarbiyah awal, di samping belajar muqaddam.

Katanya, antara muridnya yang

berumur 7 tahun sudah pandai membaca Al-Quran yang mana pada tahun lepas seramai dua orang kanak-kanak berumur 7 tahun telah Khatam Al-Quran.

Sebagai pengendali kelas muqaddam dan Al-Quran di masjid ini tambahnya, diharapkan agar anak-anak dan remaja supaya berjinak-jinak dengan Al-Quran, berkawan dengan Al-Quran.

Menyentuh mengenai kelas dewasa katanya, pelajar-pelajarnya adalah orang-orang yang sudah berumur dan mereka juga pernah mengkhataamkan pelajar-pelajar dewasa di sini dan sehingga kini pelajar-pelajar dewasa masih ingin meneruskan pembelajaran dalam membaca Al-Quran.

Pelajar-pelajar dewasa ini boleh dijadikan sebagai *role model* bagi anak-anak lain untuk mempelajari dan mendalami ilmu Al-Quran yang mana para ibu bapa yang menghantar anak-anaknya mengaji ke masjid juga digalakkan untuk belajar Al-Quran.

Beliau seterusnya berharap agar rakyat Brunei terutama anak-anak remaja boleh membaca Al-Quran dan sentiasa berada di sisi Al-Quran.

"Harapan yang paling utama menyahut dan menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya rakyat Brunei terutama anak-anak remaja pandai membaca Al-Quran dan kita menyokong penuh Negara Brunei Darussalam mengamalkan hukum Islam supaya Negara kita ini berkat dan siapa yang mengamalkan membaca Al-Quran hidupnya akan berkat," ujarnya.

Sementara itu, keramaian murid yang menjalani Kelas Bimbingan Ugama, Kelas Muqaddam, Kelas Al-Quran, Kelas Skim Khatam dan Kelas Lanjutan Al-Quran pada tahun lepas ialah 2776 orang manakala keramaian pelajar dewasa yang menjalani Kelas Muqaddam, Kelas Al-Quran serta Kelas Fardhu Ain ialah lebih 200 orang.

Murid serta pelajar dewasa dibimbing oleh 98 orang guru yang mana antaranya guru atau tenaga pengajar di masjid ini adalah dalam kalangan pelajar-pelajar dan yang masih mencari pekerjaan tetap yang berkebolehan dalam bidang pembacaan Al-Quran.

Jumlah peserta yang telah dikhatamkan dari tahun 1998 sehingga 2016 ialah sejumlah 1555 orang yang mana 650 darinya adalah peserta lelaki sementara selebihnya seramai 905 terdiri dari peserta perempuan.



**SUASANA** semasa pembelajaran mengaji Al-Quran di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Pendaftaran Pelajar-pelajar Baharu Pengambilan Ke-20 Sesi 2017-2018.

Seramai 178 pelajar telah berjaya mengikuti skim ini iaitu setelah menjalani temuduga yang diadakan pada bulan Oktober dan November tahun 2016 yang lalu daripada sejumlah 606 yang telah memohon.

Bagi daerah ini pula menerima seramai 11 pelajar yang telah berjaya mengikuti STAR Pengambilan Ke-20 Sesi 2017-2018.

Terdahulu, Majlis Pendaftaran bermula pagi tadi dari jam 8.00 hingga 8.30 pagi yang berlangsung di Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

Sejurus selepas itu, beberapa taklimat disampaikan oleh pegawai JPI dan tenaga-tenaga pengajar STAR daerah ini.

Dalam taklimat yang disampaikan oleh Pegawai JPI, Awang Mohammad Taib bin Jainal antara lain menyentuh mengenai Program STAR. Beliau

menjelaskan peserta STAR yang mengikuti skim tersebut akan mengikuti skim berkenaan selama dua tahun.

Tambahnya, program tersebut dijalankan selama dua jam pada setiap hari Jumaat dan Ahad semasa penggal persekolahan.

Di samping itu, modal latihan skim berkenaan katanya termasuk latihan asas senam pernafasan dan suara sebelum memulakan pelajaran; pembelajaran di bilik darjah termasuk Tajweed, Murattal dan Tarannum Al-Quran; Halaqah Tilawah Al-Quran; Halaqah Aktiviti seperti dikir, tausyeh dan nasyid.

Objektif skim tersebut ditubuhkan ialah untuk melatih dan membimbing remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur.

Di samping itu, skim ini diharapkan akan dapat melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran remaja yang

berpotensi yang dihasratkan sebagai pelapis qari dan qariah negara peringkat kebangsaan.

Dalam pada itu, Dayang Nur Maizatul Hazirah binti Mohammad Hussaini dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, 15, semasa ditemui berharap dengan menyertai STAR ini akan meningkatkan lagi pengetahuan dalam pembacaan Al-Quran, di samping bercita-cita menjadi seorang qariah yang berjaya.

Tambahnya, melalui STAR ini beliau juga berharap akan dapat menghalusi lagi mutu pembelajaran Al-Quran.

Manakala bagi Awang Muhammad Aminuddin Shah bin Haji Rosman dari Mahad Islam Brunei melahirkan harapan akan dapat menghalusi pembacaan mutu Al-Quran, di samping merasa gembira kerana terpilih menjadi ahli STAR pengambilan ke-20.

# سرداه سروي

## كليهن منديريكن سمبهيع

دونوت ترهادف اورغيح ساكيت اتو اورغيح كورغ لولاي. جوما جارا مفرحاكن سمبهيعن اذله بريذا مقبوكوت كاوقايان لساكيت ايت سندري سام اذ سجارا بريدري، ذوق اتو براربع. جومان بع سرا مودن ابن موانكهن مانسي سماكين سيوق دهن برامچ اكيوين دام كهيديون. حال ابن حك تدق دتافني دهن يحيي سمبكين كيت لايلاي دان ليكا دهن كسيبون ترسوت. دهن كسيبون ابن، حاقله اي منحادي الاس اوتام باقي كيت اتوق ملاتكهن دان منقكلكن سمبهيع. سمبهيع ثق واحب دتوبكهن فد وهورن. كسفران عباده سمبهيع مننوكن كسفران عباده بع لابن. سابن كجولن منديريكن سمبهيع بوله منحقن عباده بع لابن. اول بع دمكين فسنقن عباده سمبهيع ابن كيران اي مروفاكن عدالي بع فرنام سكاني دسباب اوله الله سبحانه وتعالى داخرة نبي ساكيان سدا بي صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: **إِنَّ أَوْلَى مَا تَحَاسَبُ بِهِ الْعِبَادُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عِبَادَةٍ، فَإِنْ صَلَّحْتَ فَقَدْ أَطْلَحْتَ وَآخَرْتَهُ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ** {رواه الإمام الترمذي}

**مقصود:**  
دردف ابو هريره رضي الله عنه، بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم برسدا: سمبكون فركارا بع فرنام سكاني اكن دسباب ترهادف سورغ هب دردف عدالن قد هاري قيامه ايله سمبهيع قرضون. حك بايك حارا مفرحاكن سمبهيع، مك دي تله برجاى دان منداقه فهلا، دان حك روسق سمبهيع، مك دي منداقه كروكين دان كيماشان.\*

مسلمين بع درحين الله، نامون فرلو دكتهوي بهلو سمبهيع ايت دنوتوت كفه كاخلاصن دان كفقون حوس مقهادف الله سبحانه وتعالى كران حك اي دلاكون دهن قبه اذاب، لخنوع دان اسبقلمه، مك ديوي كيت اكن معني كمانس يمان دام برسمبهيع دان قرويبن ديوي سكو تاهف بع بايك كفه سكو تاهف بع له بايك. مارله كيت سام ۲ منطاي قريته الله سبحانه وتعالى دنون استلام منديريكن سمبهيع اكر كهيدون كيت اكن ستيلن تبع، اما دان بيكا، مدعدهلن كيت سوا اكن منداقه ككحون لهلا بع وايقة كفا دردف الله سبحانه وتعالى دان سوكر كيت سوا اكن منداقه رحمة كسلاصن دنيا دان داخرة. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
حَسْبُوا عَلَى الصَّلَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَى وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَبِيْلَينَ  
صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمِ  
{ سورة البقرة آية ۲۳۸ }

**تفسير:**  
لهله كاسو (كروكله دهن صف دان سمرنا قد ونون) سكل سمبهيع قرض، خاصن سمبهيع وسطي (سمبهيع عصر)، دان برديله كران الله (دام سمبهيع كاسو) دهن طاعة دان خشوع.

بازك لله قا في الزمان العظيم، وتلعا بالانبات والذكور الحكيم. وتلقل بنا بلاوة الله هولالشيع العظيم، واستغفر الله العظيم لي ولكم ولسائر المسلمين والصلوات والنوامين والصلوات فاستغفروا. فيا فوز الشغفرين وياتجا القارين

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَقْبِرِ الصَّلَاةَ إِبْرَاهِيمَ تَنَعُّمًا عَنِ الْقَهْشَاءِ وَالْمُنَكَّرِ  
صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمِ  
**تفسير:**  
دان ديوكله سمبهيع. سمبكون سمبهيع ايت منحه ديوي قرويان بع كهي دان منكر.

مندهلكن سمبهيع ايت بوله منحه دردف قرويان كهي دان منكر مك اذ براف فركارا بع فرلو كيت منقككن دام كهيدون مهابن لبغ كليهن دان كيهلكن منديريكن سمبهيع. سقرت بروكوت:

- سمبهيع دافه نمبو ديوي سندري، كلوارك دان مشاركة اتوق عييا كراسي بع واخلاق مليا دان برودي فكري بع بايك.

- سمبهيع حوك دافه نمبو دام ملقني فلماي كحلا سوسال بع بوله بروسكن كهيدون مشاركة سقرت رسوا، عيبوه، مروتق، زنا دان قرويان مصبا بع لابن.

- سمبهيع اذله منحادي كونجي اوتام اتوق كيت منداقن رزي بع حلال دان دركني اوله الله سبحانه وتعالى.

- سمبكون سمبهيع دافه مويسهلكن دان منسوچكن ديوي سبورغ سام اذ روخالي ملبوقون حسماني، ابن جلس ساكيان سدا بي عهد صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: **أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا يَنْبأُ أُحُدَكُمْ، يَغْتَسِلُ فِيهِ كُلُّ يَوْمٍ حَسَبًا، مَا لَعَلَّوْا: ذَلِكَ يَنْبِئِي مِنْ ذَنْبِهِ. قَالُوا: لَا يَنْبِئِي مِنْ ذَنْبِهِ حَسَبًا، قَالَ: فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَاةِ الْحَسَنَةِ، يَمْحُو اللَّهُ بِهَا الْخَطِيَاةَ.** {رواه الإمام البخاري}

**مقصود:**  
دردف ابو هريره رضي الله عنه، بهواين دي فرته مندفر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسدا: "حك اذ سوات سوي دهن رومه سورغ بع ديوي دي مندي لم كالي نام سهاري، ماشهك اذ كونون قد ديوي" قرا صحابه متصواب: "ديدي اذ سدكيت فون كونون بع ترسدا قد ديوي". رسول الله صلى الله عليه وسلم برسدا: "يكوتله فرومقان سمبهيع قرض ليا وقو بع دنن الله مقهلوس دوسا اورغيح مفرحاكن".

مسلمين بع درحين الله، سمبكون سمبهيع ايت دواجنك كفه سلوروه اومة اسلام بع تله باغ، برعقل فان سوي دردف سارغ حداد. والوقون سمبهيع ايت ليدق دواجنك كفه كانق ۲ بع بلوم باغ، نامون مريك فرلو منداقت لابين اول دردف ايوباف اتو فنحاكن. كجولن ايوباف اتو فنحاك دام سمبهيع اتوق اتوق مفرحاكن سمبهيع قد وقو عصور توحوه تاهون اكن سمبكين كسوكون اتوق مندهلن مريك فجيل دواس كلق.

اذله منحادي كواجلن كفه ايوباف اتو فنحاك موي فريخان، تولوق اجر دان فقولن بع ندي مياككهن ترهادف اتوق مريك بع تله منجاني عصور منولوه نامون حك مريك ماشه اهنك اتو ندي نامن مفرحاكن سمبهيع. كهويله كواجلن مفرحاكن سمبهيع حوك ماشه

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدُهُ وَتَسْتَعِينُهُ وَتَسْتَغْفِرُهُ وَتَتُوبُ إِلَيْهِ، وَتَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ الْبَشَرِ وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مِنْ يَهْدِيهِ اللَّهُ فَلَا تُضِلُّنَا لَهُ، وَمَنْ يُضِلُّنَا فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا الرَّسُولِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَنَا بَعْدُ:  
مَعَاذِ الْمُسْلِمِينَ وَرَحْمَتِكَ اللَّهُ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايْ بِقَوْلِي اللَّهِ وَطَاعِيهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

قَالَ اللهُ تَعَالَى:  
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمِ  
{ سورة آل عمران آية : ۱۰۲ }

مسلمين بع درحين الله، ماريله كيت ميغككهن كفقون كيت كفه الله سبحانه وتعالى دهن قبه كقبن دان كاخلاصن دهن ملاكون سكل سوروهن دان منقكلكن سكل لارافن. مدعدهلن كيت منحادي انسان بع برلمان دان برتوي سرت سلامة دنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين بع درحين الله، سمبهيع اذله روكون (سلام) كدوا بع واحب دتوبكهن منله مقوجف دوا كلمة شهادة. فريته منديريكن سمبهيع ابن له فون برولا صحن برلاكون ساتو فرستوا سر ددام اسلام بع دلاوي اول بيكا رسول الله صلى الله عليه وسلم بايت فرستوا اسراه دان معراج.

سمبكون كدوقكهن عباده سمبهيع اذله امة ليغكي ديسي اكام اسلام كران سمبهيع مروفاكن تاغ اكام، مك سيف بع مفرحاكن سمبهيع براني اي تله منقككن اكام دان بارشيف بع منقكلكن براني اي تله مروجهكن اكام. سمبهيع ايت مروفاكن تاغ اكام اسلام بع واحب دنقككن.

مسلمين بع درحين الله، كتهويله، ريفن اتو برن سمبهيع ايت بركتوغ كفه كلمان سبورغ. سماكين برمان سبورغ ايت براني سماكين مودهله اي مفرحاكن سمبهيع تلال حك كورغن لمان سبورغ ايت ترهادف الله دان رسولن مك اكن بران برت فان ماشهله اي اتوق مفرحاكن. سمبكون مفرحاكن سمبهيع ايت امله سر ككحون. زمان اي دافه نمبو مياككهن ماشي دردف عباد اخرة، دصقبع ايت سمبهيع حوك دافه مقهلكن رس يدك كليه دان بوله مويكهن ككحون. ككحن دان كياكيان مديف دنيا دان داخرة، ددام القريان بايو سكاني ايه بع مرفكن تبع ككشفن دان كواجلن منديريكن سمبهيع. ساكيان فرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة لعكوت آية ۵۰ :



PEMANGKU Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad menyampaikan Anugerah Honorary Associate Brunei Photography Society (Hons.ABPS) kepada Awang Amri bin Haji Md Salleh.

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Januari. - Awang Murni bin Awang Haji Mahali diumumkan sebagai Juara Best Photographer of The Year (BPOTY) Tahun 2016 pada Majlis Malam Gala Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, di sini.

Juara menerima hadiah sebuah Kamera Fujifilm X-A2 Tajan Rose Photo Studio beserta trofi, vest dan sijil.

Sementara itu, seramai tiga orang pula menerima Anugerah Honorary Associate Brunei Photographic Society (Hons.ABPS) iaitu Awang Amri bin Haji Md. Salleh, Awang Ramli bin Haji Bujang dan Awang

Abdul Latif bin Abdul Rahman. Manakala pemenang acara Outing dan Sharing ialah Awang Muhammad Sapri bin Haji Mayasin.

Yang Di-Pertua PFNBD, Awang Hamidun bin Haji Md Noor dalam ucapannya menjelaskan, PFNBD telah ditubuhkan pada tahun 1968 bersempena dengan perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau berkata, ini bermakna pada tahun hadapan pertubuhan akan menyambut ulang tahunnya yang Ke 50 yang mana akan mencatatkan

## Awang Murni menangi 'Best Photographer of The Year'

sejarah indah kepada pertubuhan.

"Alhamdulillah sejak 2014 hinggalah tahun lepas 2016 pertubuhan telah memperhalusi sistem pentadbiran dan kewangannya agar lebih teratur, kemas dan sempurna ianya telah dilakukan oleh Ahli-Ahki Jawatankuasa Tertinggi pertubuhan," ujarnya.

Pada tahun lalu tambahnya, pertubuhan telah berjaya melaksanakan aktiviti dan projek bagi ahli-ahli pertubuhan diantaranya aktiviti tahunan iaitu Best Photographer of The Year 2016, penggambaran luar (*outing*) dan *sharing* (kongsi sama) dan lain-lain aktiviti termasuklah Hari Keluarga, Pengisian Ramadan dan Ramah Mesra

Hari Raya Aidilfitri.

Jelasnya, pertubuhan juga tidak lupa memberikan khidmatnya kepada masyarakat selaku salah sebuah badan NGO seperti mengadakan Majlis Korban buat kali ketiga yang mana ianya telah dikendalikan dan diadakan di kampung-kampung yang terpilih.

Katanya lagi, Bahagian Bimbingan pula telah berjaya menganjurkan beberapa siri kursus dan bengkel kepada ahli-ahli pertubuhan dengan menjemput tenaga dari luar negara selain dari dalam negara dan ahli-ahli pertubuhan sendiri sebagai pembimbing.

Best Photographer of The Year merupakan aktiviti berbentuk

pertandingan bulanan yang dibukakan kepada semua ahli-ahli yang berdaftar di PFNBD dimana ianya dijalankan selama 10 bulan (Januari hingga Oktober) dengan tema-tema yang berlainan setiap bulan.

Target dan matlamat aktiviti ini adalah bagi mencungkil kemahiran dan konsistensi bagi setiap ahli dengan mencabar diri mereka untuk menampilkan sesuatu mutu dan kualiti yang terbaik untuk dipertandingkan.

Photo Sharing pula merupakan aktiviti penggambaran luar dengan mengikuti tema yang ditentukan oleh Bahagian Sosial di PFNBD.

Majlis malam gala merupakan acara tahunan PFNBD bagi menghargai jasa dan sumbangan para ahli.



PEMANGKU Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei (depan, lima dari kanan) bergambar kenangan bersama Ahli-Ahli Persatuan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD).

## Terapkan murid dengan pelbagai asas agama



GURU Kelas menunjukkan cara-cara berwudu'.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**TEMBURONG**, Sabtu, 14 Januari. - Seramai 129 orang murid terdiri dari 73 murid lelaki dan 56 murid perempuan telah memulakan sesi pembelajaran agama darjah pra di sekolah-sekolah agama di Daerah Temburong iaitu serentak di seluruh negara bermula 5 Januari baru-baru ini.

Salah sebuah sekolah agama yang turut menerima kemasukan pelajar baru darjah pra agama pada tahun ini ialah Sekolah Agama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah Temburong (SUPMMBT) dengan keramaian 16 orang murid, sembilan orang lelaki dan tujuh orang perempuan.

Kesemua murid darjah pra ini menghadiri pembelajaran agama pada sesi petang di bangunan yang digunakannya dengan Sekolah Persediaan Arab Temburong.

Menurut guru kelas darjah pra agama di SUPMMBT, Awang Mahardi bin Haji Abdul Rahman, sebanyak 8 mata pelajaran diajarkan kepada murid-murid pra agama, iaitu Al-

Quran, Amali, Bahasa Arab, Tulisan, Rencana Jawi, Bacaan Jawi, Adab dan Tauhid.

Awang Mahardi yang merupakan pemegang Diploma Tertinggi dalam Perguruan Agama (Syariah) dan sudah enam tahun menjadi pendidik menambah, penekanan utama yang diberikan di peringkat awal kemasukan murid-murid pra agama ini ialah pengenalan huruf jawi Hijaiyah.

Selain itu, bimbingan cara-cara bersembahyang yang betul dan sempurna dari segi perbuatan dan bacaan dalam sembahyang juga sangat dititikberatkan dan diajarkan dari peringkat awal kemasukan murid-murid lagi, di mana menurutnya berdasarkan pengalaman, para murid akan mengambil masa kira-kira 3 bulan untuk benar-benar hafal perbuatan dan menguasai bacaan yang sempurna dalam bersembahyang.

Dari segi kaedah pengajaran, selain secara konvensional menggunakan buku pelajaran dan papan putih, semua mata pelajaran turut diajar

menggunakan kaedah interaktif dari segi audio dan visual iaitu dengan mengaplikasikan kemudahan ICT yang dibekalkan kepada sekolah.

Tambahnya pembelajaran turut difokuskan di luar kelas di mana para murid juga belajar melalui praktikal termasuk cara-cara berwudhu' dan mengikuti program 'Siwak' kendalian sekolah, iaitu bagi membiasakan para murid untuk memberus gigi setiap kali sebelum mengambil wudhu'.

"Memang pada peringkat awal kemasukan para murid pra agama ini banyak yang perlu dibimbing dan diperbaiki, namun sebagai seorang guru sudah menjadi tanggungjawab kami untuk membimbing mereka ke arah kesempurnaan beragama. Biar pun banyak cabaran yang perlu dilalui namun kita akan merasa bangga apabila melihat murid-murid mula menunjukkan peningkatan serta minat dalam pembelajaran agama. Saya juga menyeru kepada para ibu-bapa murid supaya memberikan peluang kepada anak-anak mereka lebih mendalami pembelajaran agama khususnya dalam memantau dan membiasakan anak-anak bersembahyang di rumah serta memberikan galakan kepada anak-anak dengan menghadiahkan buku-buku agama dan seumpamanya," ujarnya.

Sementara itu, Guru Besar SUPMMB, Dayang Mariah binti Haji Mohd. Daud menjelaskan bahawa pendidikan awal persekolahan agama menurutnya adalah amat penting bagi semua murid-murid yang memulakan persekolahan agama kerana melaluinya murid akan diterapkan dengan asas-asas agama seperti membaca Al-Quran dan bersembahyang yang sudah setentunya akan menjadi amalan mereka dalam kehidupan seharian sebagai seorang Islam, dan menjadi bekal mereka di dunia dan akhirat.

Beberapa program keagamaan juga

dikendalikan di SUPMMB sebagai memberikan nilai tambah kepada pembelajaran di sekolah agama.

"Alhamdulillah di sekolah ini kami juga mengadakan program Iqra Al-Quran bagi menerapkan kemahiran membaca Al-Quran bermula dari peringkat pra lagi sehingga darjah enam, di mana setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu semua murid sekolah dikehendaki mengikuti program ini bersama guru pembimbing yang akan mentasmiq bacaan mereka mengikut peringkat masing-masing iaitu dari Iqra 1, 2 dan 3 dan seterusnya peringkat Al-Quran sehingga khatam. Alhamdulillah melalui program ini dapat dilihat setiap tahun terdapat peningkatan di dalam jumlah murid yang khatam Al-Quran sebelum mereka mencapai darjah enam. Selain itu, ketika ini para murid juga belajar Bahasa Arab serta mengikuti program Insyirah yang diperkenalkan oleh Jabatan Pengajian Islam pada tahun 2011."



GURU kelas pra agama Sekolah Agama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah Temburong (SUPMMBT), Awang Mahardi bin Haji Abdul Rahman.

Dayang Mariah turut bersyukur kerana selaras dengan pengenalan Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012 yang mula berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013, para ibu bapa murid sekolah ini juga sama-sama memberikan sokongan dan kerjasama terutama dalam memastikan kehadiran bersekolah para murid serta memainkan peranan dalam memantau pembelajaran agama anak-anak mereka bermula dari peringkat awal lagi tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak guru-guru sahaja. Selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pihak sekolah dan ibu bapa, sokongan padu dari ibu-bapa ini juga katanya penting dalam meningkatkan pencapaian sekolah berkenaan pada tahun-tahun mendatang bagi mengekalkan rekod cemerlang SUPMMB yang telah mencapai 100 peratus lulus dalam keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Agama (SSRU) bagi tahun 2014 dan 2015.



GURU Besar SUPMMBT, Dayang Mariah binti Haji Mohd Daud.

# Brunei Muara 'A' duduki tempat kedua



SETIAUSAHA Agung Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam (BDF), Kapten (U) Nashriq bin Moxsin ketika menyempurnakan penyampaian piala kepada juara keseluruhan Kejohanan Lawan Pedang Terbuka 2017.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

diwakili oleh pasukan Brunei Muara (BM) 'A' menduduki tempat kedua dengan memperoleh pingat perak, manakala pasukan BM 'B' berjaya memperoleh pingat gangsa.

Dalam pertandingan akhir yang berlangsung petang tadi turut menyaksikan perlawanan akhir Kategori Berkumpulan Sabre Perempuan di antara pasukan UST (A), Republik Filipina yang berjaya memungut pingat emas setelah berjaya mengalahkan pasukan negara, iaitu pasukan Brunei dengan pungutan mata 45-39 yang sekali gus menempatkan peserta negara kita di tempat kedua dengan memperoleh pingat perak.

Manakala, pingat gangsa telah diperoleh oleh peserta dari pasukan UST (B), Republik Filipina.

Dalam perlawanan akhir Kategori Berkumpulan Foil Lelaki telah dijuarai oleh pasukan dari Sabah (B), Malaysia yang berjaya mendapat pingat emas setelah menewaskan pasukan dari Negara Brunei Darussalam, iaitu Athos, yang mendapat tempat kedua dengan pungutan mata 45 - 32.

Pingat gangsa telah dimenangi oleh pasukan negara yang diwakili oleh pasukan BM 'A'.

Penyampaian pingat-pingat kepada

para pemenang disempurnakan oleh Setiausaha Agung Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam (BDF), Kapten (U) Nashriq bin Moxsin.

Pada kejohanan tersebut juga menyaksikan penyampaian piala kejohanan yang disandang oleh negara Thailand sebagai juara keseluruhan dengan memperoleh tiga emas, dua perak dan satu gangsa.

Sementara menduduki tempat kedua pasukan dari negara Filipina dengan pungutan tiga emas, satu perak dan lima gangsa, manakala pasukan dari Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ketiga dengan memperoleh dua emas, dua perak dan tujuh gangsa.

Kejohanan anjuran BDF ini diadakan selama enam hari bermula 9 hingga 14 Januari 2017 dengan menyaksikan penyertaan dari negara Hong Kong, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Thailand dan Negara Brunei Darussalam.

Lebih 90 pemain lawan pedang menyertai kejohanan kali ini yang dibahagikan kepada enam kategori individu dan enam kategori kumpulan dan juga turut disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEJOHANAN Lawan Pedang Terbuka Brunei telah berlangsung di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah yang telah bermula pada 9 Januari 2017 hingga 14 Januari 2017.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Pasukan lawan pedang dari Chulalongkorn University, Thailand berjaya merangkul pingat emas pada Kejohanan Akhir Lawan Pedang Terbuka Brunei 2017 bagi Kategori Berkumpulan Epee Perempuan yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sementara itu pasukan negara yang

## Aktiviti 'Dudun Bahasa' angkat martabat bahasa Melayu

Oleh: Aimi Sani  
Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



SEBAHAGIAN daripada Program Dudun Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka menyaksikan penyertaan murid-murid sekolah dalam pelbagai aktiviti yang telah disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

KASAT, Sabtu, 14 Januari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus bergerak aktif dalam mengatur strategi untuk mendaftarkan dan memperkasakan bahasa Melayu (BM).

Masyarakat terutama dalam kalangan generasi baharu diharap supaya mempunyai kesedaran tentang peri pentingnya BM dalam mempertahankan dan memulihara BM itu yang merupakan warisan bangsa kita.

Sehubungan itu, DBP telah mengadakan aktiviti Dudun Bahasa di Sekolah Rendah Kasat (SRK), di sini.

Taklimat ringkas mengenai aktiviti tersebut telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Bahasa DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

Dayang Hajah Sariani ketika ditemui berkata, dengan adanya aktiviti seumpama itu akan membudayakan ilmu kepada masyarakat sesuai dengan peranan DBP dalam usaha memperkasakan BM demi menjaga kepentingan bahasa

rasmi Negara Brunei Darussalam dengan harapan pendaualan BM itu akan terus didukung oleh semua pihak



KETUA Bahagian Pembinaan dan Perkembangan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Hajah Sariani binti Haji Ishak semasa menyampaikan taklimat ringkas.

dengan penuh semangat khususnya oleh golongan belia yang menjadi tonggak ke arah pembangunan masa depan negara.

"Aktiviti Dudun Bahasa yang mula diungkuhkan oleh DBP sejak tahun 2016, dihasrat akan dapat menyuntik semangat para pelajar untuk sentiasa setia dan terus berbahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, aktiviti berkenaan diharap akan dapat mengangkat martabat BM dan meningkatkan rasa kepemilikan serta kecintaan terhadap BM dalam diri individu dan masyarakat.

Setakat ini kami memfokuskan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara dan dalam perancangan akan melaratkannya ke pelajar-pelajar sekolah menengah di masa hadapan, ujar beliau.

Sementara itu, bagi Guru Kanan Akademik SRK, Dayang Latifah binti Haji Mat Zahari berkata program seumpama ini merupakan program yang sangat bagus untuk memberi pendedahan kepada murid-murid sekolah dan berharap agar ia akan dapat menjadi acara tahunan SRK.



GURU Kanan Akademik Sekolah Rendah Kasat, Dayang Latifah binti Hj Mat Zahari semasa ditemu bual Pelita Brunei.

## AMBD kendalikan kerja-kerja kemasyarakatan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

MUARA, Ahad, 15 Januari.- Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini mengadakan Kempen Kebersihan di Pantai Muara.

Kempen tersebut diketuai oleh Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman.

Seramai 30 pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada AMBD dan juga Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), iaitu pusat latihan AMBD, turut hadir secara sukarela dalam menjayakan kempen kebersihan tersebut.

Objektif inisiatif ini adalah untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran tempat-tempat awam dan juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan kerjasama di antara pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD dan CIBFM.

Kempen Kebersihan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Corporate Social Responsibility (CSR) AMBD dalam memberi tumpuan kepada kemasyarakatan dan persekitaran.

Antara inisiatif-inisiatif CSR AMBD yang lain termasuk Junior Financial Awareness Program yang telah diadakan di Sekolah Rendah Menunggol, Kempen Pengembalian Duit-Duit Syiling Negara Brunei Darussalam (Coin Appreciation Campaign) dan pembersihan kawasan perkuburan.

# Pasukan Kebangsaan bakal berentap di AFF Futsal 2017, Thailand



PEMANGKU Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Awang Haji Madli bin Haji Md. Yusof semasa bergambar ramai bersama Pasukan Futsal Kebangsaan sebelum berlepas meninggalkan negara bagi menyertai Kejohanan Futsal Antarabangsa Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) 2017 di Thailand.



JURULATIH Pasukan Futsal Kebangsaan, Qusmaini Noor Haji Rusli semasa ditemu bual Pelita Brunei.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Januari. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) telah menghantar pasukan Futsal Kebangsaan Brunei Darussalam untuk mengikuti kejohanan futsal antarabangsa Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) iaitu Kejohanan AFF Futsal 2017 yang akan berlangsung di Thailand pada 23 hingga 29 Januari ini.

Rombongan pasukan futsal negara diketuai oleh Pengurus Pasukan,

Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz dan dibimbing oleh Ketua Jurulatih, Qusmaini Noor bin Haji Rusli dari Malaysia.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata semangat kepada pasukan negara ialah Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Md. Yusop.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Md. Amirrizal bin Pengiran Mahmud; Pengarah Teknikal NFABD, Mike Wong; Pengarah Pertandingan NFABD, Awang Dayem bin Haji Ali dan ahli-ahli jawatankuasa eksekutif NFABD.

Pada kejohanan futsal AFF edisi yang ke-13 ini, sebanyak tujuh negara termasuk Brunei Darussalam akan berentap untuk merebut kejuaraan dan gelaran pasukan terbaik antara negara-negara ASEAN yang mana pasukan negara diletakkan di dalam Group A bersama tuan rumah Thailand dan juga Timor Leste.

Pasukan negara diharap akan dapat menandingi atau memperbaiki pencapaian terbaiknya iaitu

menduduki tempat keempat pada kejohanan yang sama di tahun 2008.

Setakat ini, pasukan tuan rumah Thailand telah berjaya memperolehi gelaran juara sebanyak 11 kali.

Menurut ketua jurulatih pasukan, Qusmaini Noor, pasukan negara telah melakukan latihan intensif sebanyak 10 hingga 12 sesi seminggu selama lebih tiga bulan sebelum kejohanan, di samping membuat persediaan khususnya dari segi mental sebelum memulakan perlawanan pertama menentang Timor Leste.

"Tiada sasaran yang terlalu tinggi ditetapkan untuk perlawanan ini, namun kita akan cuba memberikan saingan yang lebih baik dari tahun-tahun sebelum ini kepada pasukan-pasukan lain yang hebat dalam kejohanan ini," katanya kepada Pelita Brunei.

Jelasnya, tahun ini merupakan kali ketiga pasukan futsal kebangsaan bertemu dengan Timor Leste di mana pasukan negara telah kalah dengan jaringan tipis pada dua perlawanan berkenaan.

"Walau bagaimanapun, kita lebih optimis dan berharap pemain akan melakukan yang terbaik pada tahun ini," ujarnya.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

## KUMPULAN A

1. Thailand
2. Brunei Darussalam
3. Timor-Leste

## KUMPULAN B

1. Malaysia
2. Myanmar
3. Laos
4. Indonesia



**BERITA-BERITA HARIAN** BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**PERSEKITARAN BERSIH PENTING DALAM AMALAN GAYA HIDUP SIHAT**

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.